BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan negara dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan dalam pengurusan risiko terhadap kestabilan kewangan serta mengandungi rencana berkenaan topik yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data yang tersedia sehingga 30 Jun 2019 atau dinyatakan sebaliknya.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

4 **Sorotan Penting**

7 **Tinjauan Keseluruhan**

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan

11 Risiko Kredit

24 Risiko Pasaran

25 Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan

28 Risiko Penularan

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

31 Daya Tahan dan Prestasi Sektor Perbankan

33 Daya Tahan dan Prestasi Sektor Insurans dan Takaful

Rencana

37 *Keuntungan Bank-bank Malaysia – Trend Masa Lalu dan Prospek Masa Hadapan*

47 *Mempertingkatkan Keselamatan Siber Sektor Kewangan dalam Ekonomi Digital*

51 **Tambahan**

55 **Glosari, Akronim dan Singkatan**

Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2019

Institusi kewangan kekal berdaya tahan

Permodalan dan keuntungan yang kukuh

Sektor Perbankan

17.4% **Nisbah jumlah modal** (2018: 18.1%)

13% **Pulangan atas ekuiti** (2018: 12.7%)

Sektor Insurans dan Takaful

230% **Nisbah kecukupan modal** (2018: 243.9%)

20% **Pulangan atas ekuiti** (2018: 18.1%)

Mudah tunai yang mencukupi disokong oleh sumber pendanaan yang stabil

Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR), Nisbah Pinjaman kepada Dana (LTF) dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti (LTFE)



Pasaran kewangan domestik teratur meskipun menghadapi rintangan domestik dan luaran

Tekanan pasaran keseluruhan meningkat pada S2 2019, namun kekal jauh di bawah paras tahun 2018

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan

Tahap tekanan, %



Kenaikan sedikit didorong oleh:
- Prospek dasar monetari AS
- Ketegangan perdagangan yang meruncing
- Kemungkinan Sekuriti Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada indeks tanda aras

Dedahan risiko pasaran yang terurus, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang aktif oleh institusi kewangan

Isi rumah dan perniagaan terus berupaya membayar balik hutang

Tahap kewangan keseluruhan isi rumah dan perniagaan kekal kukuh

Penampan Kewangan Sektor Isi Rumah



Leveraj dan Keupayaan Membayar Balik Hutang oleh Korporat Bukan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset dalam sistem perbankan kekal utuh

Amalan pengurusan risiko yang mantap mengekalkan pinjaman terjejas pada tahap yang rendah

Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Mengikut Sektor



Disokong oleh penampan yang kukuh untuk menyerap potensi kerugian masa hadapan

126.9%
Nisbah perlindungan kerugian pinjaman

RM103.3 bilion
Modal lebihan[1]

[1] Modal lebihan merujuk jumlah modal melebihi pengawalseliaan minimum, yang termasuk keperluan penampan pengekalan modal untuk tahun 2019 (2.5%) serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Sorotan Penting
Rencana

Keuntungan Bank-bank Malaysia – Trend Masa Lalu dan Prospek Masa Hadapan

Gabungan faktor kitaran dan struktur dijangka mempengaruhi keuntungan bank-bank pada masa hadapan



Bank-bank berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan perkembangan ini, disokong oleh penampan kewangan yang kukuh, keyakinan tinggi orang ramai dan pelaburan untuk meningkatkan kebolehan mengubah suai teknologi

Mempertingkatkan Keselamatan Siber Sektor Kewangan dalam Ekonomi Digital

Koordinasi keselamatan siber peringkat kebangsaan penting untuk mengurus keselamatan siber secara padu, koheren dan komprehensif



Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Kelemahan kewangan global kekal tinggi pada separuh pertama tahun 2019 berikutan kebimbangan terhadap pertumbuhan global yang semakin perlahan dan ketegangan geopolitik yang bertambah meruncing. Keadaan ini menyumbang kepada peningkatan volatiliti dalam harga aset kewangan dan komoditi. Kebimbangan terhadap hutang korporat yang tinggi, terutamanya dalam ekonomi maju, semakin meningkat dalam persekitaran pinjaman leveraj yang terus berkembang. Berikutan perkembangan ini, bank-bank pusat utama telah memberikan isyarat pendirian yang lebih pasif (*dovish*) terhadap dasar monetari. Federal Open Market Committee (FOMC) AS mengurangkan kadar dasarnya untuk kali pertama sejak krisis kewangan global berikutan kebimbangan terhadap ekonomi global, sementara Bank Pusat Eropah (European Central Bank) mengumumkan bahawa mereka bersedia untuk memberikan rangsangan monetari selanjutnya ke kawasan euro. Bank-bank pusat dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk di rantau ini, juga telah mengurangkan kadar dasar mereka apabila kesan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing menjejaskan prospek pertumbuhan.

Kestabilan kewangan domestik terus disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang secara relatif berdaya tahan pada separuh pertama tahun 2019. Walaupun berlaku beberapa episod turun naik dalam pasaran kewangan disebabkan oleh perkembangan global dan domestik, termasuk kebimbangan terhadap kemungkinan Sekuriti Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada Indeks Bon Kerajaan Dunia FTSE Russell (World Government Bond Index, WGBI), keadaan pasaran yang teratur kekal terpelihara. Pelabur institusi domestik yang kukuh, termasuk institusi kewangan, terus menjadi sumber kestabilan penting kepada pasaran domestik semasa tempoh aliran keluar portfolio yang tinggi. Hal ini seterusnya telah menyokong keadaan pendanaan domestik yang stabil untuk aktiviti pengantaraan kewangan.

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank terus berwaspada terhadap risiko daripada peningkatan tahap hutang sektor swasta dan ketidakseimbangan dalam pasaran harta tanah. Tahap hutang isi rumah agregat kekal tinggi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar isi rumah terus mampu membayar balik hutang mereka dengan baik dengan pemegangan aset kewangan isi rumah agregat yang terus berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan hutang. Walaupun risiko telah meningkat sedikit dalam kalangan peminjam pinjaman perumahan yang lebih terdedah kepada ketidaktentuan dalam pendapatan, risiko ini terus terkawal memandangkan dedahan yang rendah oleh bank kepada peminjam berisiko tinggi hasil daripada amalan pemberian pinjaman yang baik.

Beberapa tanda pemulihan dapat dilihat dalam pasaran harta tanah, dengan urus niaga yang lebih tinggi dicatatkan dalam segmen kediaman dan bukan kediaman. Harga rumah terus meningkat pada kadar yang lebih sederhana dalam persekitaran permintaan yang mampan untuk harta tanah mampu milik. Pelarasan strategi perniagaan yang berterusan oleh pemaju harta tanah seharusnya dapat membantu mengurangkan ketidakpadanan antara permintaan dengan bekalan rumah, lantas mengurangkan risiko penurunan harga rumah secara meluas. Walau bagaimanapun, lebihan bekalan ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complexes*, OSSC) terus berlanjutan.

Prestasi kewangan bagi perniagaan lemah sedikit berikutan perolehan yang lebih rendah dalam sektor-sektor perladangan, pengangkutan dan bahan pembinaan. Meskipun demikian, kapasiti keseluruhan pembayaran balik hutang oleh syarikat kekal kukuh dengan leveraj korporat juga secara amnya pada tahap yang berhemat. Beberapa perkembangan positif dapat dilihat bagi syarikat dalam sektor minyak dan gas (*oil and gas*, O&G), pembinaan dan harta tanah walaupun

persekitaran perniagaan masih mencabar. Meskipun harga minyak kekal tidak menentu, penyahleveraj (*deleveraging*) selanjutnya oleh syarikat dalam sektor O&G telah mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Pengumuman tentang penyambungan semula projek infrastruktur utama dan pelbagai insentif Kerajaan untuk mengurangkan kos perumahan juga telah meningkatkan prospek syarikat dalam sektor pembinaan dan harta tanah. Fleksibiliti yang telah diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di bawah garis panduan Bank tentang pelaporan pengawalseliaan bagi pinjaman yang dijadual dan disusun semula (rescheduled and restructured, R&R) juga terus menyokong penawaran kredit yang berterusan kepada perniagaan yang berdaya maju dalam persekitaran yang lebih mencabar.

Sektor kewangan kekal berdaya tahan, disokong oleh keuntungan yang mampan dan permodalan yang kukuh dalam sektor perbankan, serta insurans dan takaful. Persekitaran ekonomi serantau yang agak lemah telah memberi tekanan ke atas prestasi operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBGs). Dalam sektor insurans dan takaful, langkah pembaharuan yang berterusan telah menyumbang kepada penambahbaikan dalam penetapan harga dan kadar ketegaran (*persistency*). Berdasarkan ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank, institusi kewangan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi potensi kerugian walaupun di bawah keadaan yang teruk.

Pada masa hadapan, beberapa sumber potensi risiko mewajarkan sikap terus berwaspada:

- **Pertumbuhan global yang semakin lemah dan aliran modal yang tidak menentu**
  Prospek pertumbuhan yang semakin lemah yang diburukkan lagi oleh perubahan yang tidak dijangka dalam pendirian dasar monetari AS, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan perkembangan Brexit yang tidak teratur mampu meningkatkan lagi volatiliti kewangan global, dengan implikasi terhadap ekonomi dan keadaan kewangan domestik. Keadaan mudah tunai pasaran yang semakin ketat boleh menyebabkan pasaran menjadi semakin tidak bersepadu dan mendorong kos pendanaan menjadi lebih tinggi. Permintaan global yang lemah juga boleh mempengaruhi perolehan korporat dan keputusan membuat pelaburan, walaupun kebanyakan perniagaan berada dalam kedudukan yang baik untuk menyesuaikan diri dengan sebarang perkembangan buruk berdasarkan kedudukan leveraj yang berhemat dan penampan yang kukuh.

- **Keadaan pasaran harta tanah yang lembap**
  Unit rumah yang tidak terjual dijangka kekal tinggi, terutamanya dalam segmen bertingkat tinggi dan berharga lebih mahal. Walaupun risiko penurunan harga yang besar dan meluas bagi harga rumah dikurangkan oleh permintaan yang kukuh untuk rumah mampu milik, kelemahan yang berpanjangan dalam pasaran harta kediaman berupaya mengurangkan lagi pelaburan dalam sektor ini. Dalam segmen harta bukan kediaman, bekalan baharu yang besar bagi OSSC akan terus memberikan cabaran kepada pelabur dan pemaju. Walaupun dedahan langsung institusi kewangan terus terkawal, risiko-risiko ini boleh memberi kesan secara tidak langsung kepada kestabilan kewangan.

- **Peningkatan paras hutang isi rumah**
  Walaupun pertumbuhan hutang isi rumah terus sederhana untuk beberapa tahun kebelakangan ini, sesetengah isi rumah mungkin terus berhadapan dengan tekanan yang semakin meningkat, terutamanya jika mereka diberikan pinjaman yang berlebihan oleh sebab syarat pinjaman yang lebih longgar pada masa lampau. Daya tahan keseluruhan isi rumah terus disokong kuat oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil. Walau bagaimanapun, kejutan pendapatan teruk yang tidak dijangka dapat mengurangkan penampan kewangan isi rumah dan memberi kesan terhadap perbelanjaan dan pinjaman masa depan. Keadaan ini seterusnya boleh menjejaskan prestasi kewangan bank dan ekonomi secara amnya.

- **Dedahan kepada risiko siber**
  Pendigitalan sektor kewangan yang pesat sememangnya meningkatkan dedahan institusi kewangan kepada serangan siber. Serangan sedemikian berpotensi menyebabkan gangguan ketara terhadap perkhidmatan kewangan yang boleh memberi kesan kepada kestabilan dan integriti sistem kewangan. Peningkatan kecanggihan serangan mewajarkan langkah-langkah tindak balas yang bersesuaian, baik pada peringkat institusi mahupun sistem kewangan, untuk menyokong sektor kewangan yang inovatif dari segi teknologi dan berdaya tahan terhadap ancaman siber. Langkah-langkah ini akan terus menjadi tumpuan penting bagi pengawalan dan penyeliaan Bank pada masa hadapan.

Gambar Rajah 1: Gambaran Perkembangan Luaran dan Risiko Kestabilan Kewangan Domestik

Persekitaran operasi global menjadi semakin mencabar sejak enam bulan lalu:

- Ketegangan perdagangan yang meruncing telah menjejaskan prospek pertumbuhan
- Ketegangan geopolitik membawa kepada gangguan bekalan dan ketidaktentuan harga komoditi
- Gabungan faktor-faktor risiko membawa kepada volatiliti pasaran kewangan yang berterusan

Sebagai tindak balas, ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun telah mengambil pendirian yang lebih pasif terhadap dasar monetari

Pada masa hadapan, kestabilan kewangan domestik dijangka terpelihara tetapi risiko masih kekal:

Pertumbuhan global yang semakin lemah dan aliran modal yang turun naik	Prospek pertumbuhan yang semakin lemah boleh menjejaskan perolehan korporat dan keputusan pelaburan
Keadaan pasaran harta tanah yang lembap	Lebihan bekalan berterusan bagi segmen dalam sektor kediaman dan bukan kediaman
Tahap hutang isi rumah yang meningkat	Kejutan pendapatan yang tidak dijangka boleh menghakis penampan kewangan isi rumah
Dedahan kepada risiko siber	Kecanggihan serangan siber yang meningkat boleh menyebabkan gangguan yang berupaya menjejaskan integriti sistem kewangan

Institusi kewangan kekal berdaya tahan:

Sistem Perbankan	
CET1 13.4%	Permodalan yang kukuh ditunjukkan oleh nisbah Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1)
LCR 153%	Mudah tunai mencukupi dengan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) jauh melebihi pengawalseliaan minimum, iaitu 100%
LLCR 126.9%	Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (*loan loss coverage ratio*, LLCR) yang tinggi memberikan penampan yang kukuh terhadap potensi kerugian
Sektor Insurans dan Takaful	
CAR 230%	Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) kekal melebihi tahap pengawalseliaan minimum dan tahap modal sasaran dalaman

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan

RISIKO KREDIT

Risiko daripada Sektor Isi Rumah Sebahagian Besarnya Terkawal, Namun Sesetengah Segmen Isi Rumah Masih Terdedah kepada Kejutan Pendapatan

Pertumbuhan tahunan hutang isi rumah[1] meningkat[2] dengan lebih pantas pada kadar 5.1% pada separuh pertama tahun 2019 (Rajah 1). Berikutan itu, nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) secara keseluruhannya naik sedikit kepada 82.2% pada akhir bulan Jun 2019 (2018: 82%) (Rajah 2). Pinjaman untuk pembelian harta kediaman kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Peminjaman isi rumah turut meningkat disebabkan oleh permintaan yang kukuh bagi pinjaman untuk pembelian sekuriti, terutamanya dana unit amanah berharga tetap seperti Amanah Saham Bumiputera. Sebaliknya, pertumbuhan pinjaman isi rumah untuk tujuan penggunaan[3] kekal sederhana, didorong terutamanya oleh pembiayaan peribadi yang diberikan oleh institusi kewangan pembangunan (IKP) kepada penjawat awam.

Keupayaan membayar balik hutang isi rumah pada amnya kekal utuh, seperti yang dicerminkan oleh nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen yang rendah dan stabil. Sejak beberapa tahun lalu, pemegangan aset kewangan oleh isi rumah telah berkembang pada kadar yang lebih cepat berbanding dengan hutang (Rajah 3). Keadaan ini berterusan hingga tahun 2019 dengan simpanan isi rumah dalam bentuk deposit dan instrumen mirip deposit meningkat melebihi penurunan pelaburan ekuiti isi rumah berikutan prestasi pasaran ekuiti yang lemah. Secara agregat, jumlah aset isi rumah melebihi hutang sebanyak 4.1 kali (2018: 4.1 kali). Tanpa mengambil kira kekayaan perumahan, aset kewangan isi rumah berada pada tahap 2.2 kali daripada hutang. Dua pertiga daripada aset kewangan ini adalah dalam bentuk aset kewangan mudah tunai (*liquid financial assets*, LFA) seperti deposit dan dana unit amanah yang mudah dikeluarkan untuk memenuhi obligasi hutang isi rumah dan komitmen kewangan yang lain, sekiranya perlu.

Risiko kepada kestabilan kewangan daripada sektor isi rumah sebahagian besarnya terus terkawal, dengan hutang berisiko (*debt-at-risk*)[4] kekal pada paras yang rendah, iaitu 5.2% daripada jumlah hutang isi rumah. Bahagian pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dengan nisbah khidmat hutang[5] (*debt service ratio*, DSR) yang melebihi 60% telah meningkat (Rajah 4) berbanding dengan paras pada tahun 2013, yang menunjukkan terdapat sedikit kelonggaran dalam piawaian pemberian pinjaman. Walau bagaimanapun, keadaan ini lebih ketara dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan melebihi RM5,000 sebulan yang secara amnya lebih berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan yang sukar dalam situasi kewangan mereka.

Dedahan bank dan institusi kewangan bukan bank (IKBB) kepada segmen yang lebih mudah terjejas (peminjam berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan) terus menurun (Rajah 5).

---

1 Pinjaman yang diberikan oleh bank, institusi kewangan pembangunan dan institusi kewangan bukan bank utama.

2 Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pinjaman perumahan yang lebih tinggi dilaporkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Mulai bulan Januari 2019, LPPSA beralih daripada perakaunan tunai kepada perakaunan terakru selaras dengan perubahan dalam amalan perakaunan Kerajaan bagi akaun fiskal. Hal ini membawa kepada semakan menaik sekali sahaja dalam nilai pinjaman perumahan LPPSA yang dilaporkan pada tahun 2019.

3 Terutamanya kenderaan bermotor, pembiayaan peribadi dan kad kredit.

4 Bahagian hutang peminjam dengan margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah selepas mengambil kira potensi kerugian akibat mungkir (rujuk Rencana 'Penambahbaikan Rangka Kerja Margin Kewangan bagi Sektor Isi Rumah' pada halaman 14).

5 Nisbah jumlah obligasi hutang bulanan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun).

Walau bagaimanapun, risiko dalam kalangan peminjam ini kekal tinggi. Meskipun kumpulan ini menghadapi kekangan yang lebih besar untuk meminjam, leveraj[6] isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan terus meningkat (ST1 2019: 8.9 kali; 2018: 8.8 kali; 2015: 7.7 kali) disebabkan oleh akses kepada pinjaman perumahan yang lebih mudah di bawah pelbagai skim bantuan pinjaman yang diperkenalkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kumpulan peminjam ini masih terdedah kepada kesukaran kewangan memandangkan penampan kewangan mereka adalah terhad untuk menghadapi potensi kejutan.

Kejadian mungkir oleh peminjam pinjaman perumahan telah meningkat dalam tempoh kebelakangan ini. Perkembangan tersebut menunjukkan bahawa lebih banyak isi rumah mungkin mengalami tekanan kewangan. Situasi ini lebih ketara dalam kalangan peminjam yang (i) mendapatkan pinjaman perumahan bagi harta tanah berharga lebih RM500,000 dan/atau (ii) mengalami ketidaktentuan yang lebih besar dalam pendapatan bulanan mereka. Namun begitu, risiko kepada sistem kewangan masih rendah kerana dedahan berisiko[7] bagi para peminjam ini hanya mencakupi 6.2% daripada jumlah pinjaman isi rumah dengan hanya 0.9% daripada pinjaman tersebut diklasifikasikan oleh bank dari IKP sebagai pinjaman terjejas pada akhir bulan Jun 2019. Berdasarkan jumlah pendaftaran untuk mengikuti Program Pengurusan Kredit oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), didapati bahawa bilangan individu yang ingin mendapatkan bantuan khidmat nasihat hanya meningkat sedikit. Risiko kestabilan kewangan juga dapat dikurangkan melalui amalan pengunderaitan dan pengurusan risiko institusi kewangan yang terus diperkukuh. Memandangkan pinjaman isi rumah sebagai bahagian daripada jumlah pemberian pinjaman bank adalah ketara (58.1%), langkah mengekalkan piawaian pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dalam sistem perbankan adalah penting untuk memelihara daya tahan isi rumah dan kestabilan kewangan.

Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk mengukuhkan daya tahan isi rumah, Bank turut bekerjasama dengan rakan kongsi[8] di bawah Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FE Network) untuk meningkatkan tahap celik kewangan agar semua rakyat Malaysia mempunyai keupayaan dan keyakinan untuk membuat keputusan kewangan yang baik. Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 - 2023, yang dilancarkan pada bulan Julai 2019, menggariskan keutamaan dan pelan tindakan untuk dilaksanakan bagi melengkapkan semua lapisan rakyat Malaysia dengan pengetahuan pengurusan kewangan yang berhemat dan bertanggungjawab, sejajar dengan matlamat dan keadaan kewangan.

Cadangan untuk merangka Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act, CCA) juga akan menyokong daya tahan isi rumah melalui piawaian perlindungan yang konsisten dan bersesuaian bagi peminjam yang memperoleh pembiayaan untuk tujuan peribadi, domestik atau isi rumah daripada bank dan pemberi kredit bukan bank. Ini termasuk keperluan untuk mematuhi piawaian minimum berkaitan dengan pembiayaan yang tidak diminta, caj pembiayaan, penilaian kredit, amalan kutipan hutang dan penyelesaian pertikaian. Selain menggalakkan pasaran kredit pengguna yang kukuh dan memastikan layanan peminjam yang saksama, CCA juga akan menambah baik pengaturan penyelarasan dalam kalangan pihak berkuasa berkaitan yang bertanggungjawab terhadap pengawasan aktiviti kredit pengguna.

---

[6] Diukur sebagai nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan.

[7] Mengambil kira potensi kerugian akibat mungkir dalam kalangan peminjam ini.

[8] Anggota FE Network terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, AKPK dan Permodalan Nasional Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk https://www.fenetwork.my/.

Rajah 1: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan

Pertumbuhan hutang isi rumah meningkat



Rajah 2: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama

Nisbah hutang dan aset kewangan isi rumah kepada KDNK lebih tinggi dalam keadaan pertumbuhan KDNK nominal yang lebih rendah



Rajah 3: Sektor Isi Rumah – Hutang dan Aset Kewangan

Pertumbuhan aset kewangan isi rumah terus mengatasi pertumbuhan hutang



Rajah 4: Sektor Isi Rumah – Peminjam dengan Hutang yang Baharu Diluluskan Mengikut DSR

Bahagian peminjam dengan DSR melebihi 60% telah meningkat sejak 2013



Rajah 5: Sektor Isi Rumah – Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan

Dedahan kepada peminjam yang mudah terjejas terus menurun



* Harta kediaman, harta bukan kediaman dan sekuriti
** Terutamanya kenderaan bermotor, pembiayaan peribadi dan kad kredit

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Penambahbaikan Rangka Kerja Margin Kewangan bagi Sektor Isi Rumah

Rencana ini merumuskan penambahbaikan terkini terhadap rangka kerja margin kewangan,[9] yang menggunakan maklumat pendapatan dan kredit individu untuk mengenal pasti serta menilai risiko terhadap kestabilan kewangan daripada sektor isi rumah. Penambahbaikan ini diterajui oleh dua dorongan - pertama, bagi memastikan komponen margin kewangan peminjam terus mencerminkan perbelanjaan dan obligasi kewangan bulanan mereka, dan kedua, bagi mendapatkan anggaran hutang berisiko dan potensi kerugian kepada bank yang lebih wajar.

Berdasarkan kadar penembusan internet yang tinggi sebanyak 87%[10] pada tahun 2018, perbelanjaan isi rumah untuk perkhidmatan komunikasi kini menjadi suatu keperluan dan bukannya kemewahan. Oleh itu, dalam mengira margin kewangan peminjam individu, perbelanjaan perkhidmatan komunikasi yang mencakupi kira-kira 3% daripada pendapatan bulanan, kini diambil kira di bawah keperluan asas (Gambar Rajah 2). Menyedari akan kos sara hidup yang lebih tinggi di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor, rangka kerja yang ditambah baik ini selanjutnya turut mengambil kira perbelanjaan yang secara relatif lebih tinggi bagi peminjam di negeri-negeri utama ini.

Gambar Rajah 2: Penambahbaikan Rangka Kerja Margin Kewangan



[1] Baki pendapatan boleh guna bulanan dan aset kewangan mudah tunai, selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan keperluan asas
[2] Bagi kajian ini, keperluan asas ditakrifkan sebagai: (i) makanan dan minuman bukan alkohol; (ii) sewa rumah dan penyenggaraan; (iii) air, elektrik, gas dan bahan api lain; (iv) pengangkutan; (v) pendidikan; (vi) penjagaan kesihatan, dan (vii) perkhidmatan komunikasi
[3] Bahagian hutang peminjam dengan margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah selepas mengambil kira potensi kerugian akibat mungkir

Sumber: Bank Negara Malaysia

[9] 'Penelitian Melangkaui Statistik Hutang Keseluruhan Isi Rumah', Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016, halaman 46 – 51; dan 'Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampan Kewangan Isi Rumah', Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017, halaman 44-54.
[10] Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). 'Laporan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah', Putrajaya.

Hutang berisiko di bawah senario dasar dan tekanan juga telah ditaksir semula dengan menggunakan set data kerugian akibat mungkir yang lebih wajar yang diperoleh daripada pengalaman lalu bank domestik (senario dasar: 17% - 66%; senario tekanan: 23% - 76%).[11] Perbezaan yang lebih ketara dapat dilihat dalam kerugian akibat mungkir bagi pinjaman pembelian harta bukan kediaman dan sekuriti, yang jauh lebih rendah dengan adanya cagaran.[12] Kerugian akibat mungkir ini juga adalah selaras dengan ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun yang dijalankan oleh Bank.

Dengan penambahbaikan ini, bahagian peminjam dengan margin kewangan negatif adalah lebih tinggi pada 8.3% (sebelum penambahbaikan: 6.4%) (Gambar Rajah 3). Hal ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan untuk perkhidmatan komunikasi yang kini diambil kira. Walaupun jumlah peminjam yang bermasalah telah bertambah, hutang berisiko secara keseluruhannya telah menurun kepada 5.2% daripada jumlah hutang isi rumah (sebelum penambahbaikan: 7.8%), berikutan kerugian akibat mungkir yang lebih rendah (hutang berisiko bagi sistem perbankan: 4.4%; sebelum penambahbaikan: 6.6%). Taburan hutang berisiko mengikut tujuan pinjaman dan kumpulan pendapatan pada amnya masih sama dengan sebelum penambahbaikan dibuat. Pembiayaan peribadi mencakupi bahagian terbesar hutang berisiko (42%), yang sebahagian besarnya dipegang oleh peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Walaupun pinjaman harta kediaman mencakupi lebih separuh daripada jumlah hutang isi rumah, namun segmen ini hanya mencakupi kira-kira satu perempat daripada hutang berisiko, memandangkan sebahagian besar risiko dapat ditampung oleh nilai cagaran yang lebih tinggi berbanding dengan pinjaman terkumpul. Potensi kerugian kepada sistem perbankan di bawah senario dasar berjumlah RM43.9 bilion, atau 30% daripada penampan modal lebihan bank.[13]

Dalam menilai kapasiti pembayaran balik hutang oleh peminjam di bawah senario tekanan, mereka masih didapati paling terdedah kepada kejutan pendapatan dan kos sara hidup, manakala kesan akibat kenaikan kos peminjaman adalah lebih kecil. Peningkatan potensi kerugian kepada sistem perbankan di bawah senario tekanan masih boleh ditampung oleh penampan modal lebihan bank sebanyak RM146.1 bilion pada akhir bulan Jun 2019.

Gambar Rajah 3: Keputusan Analisis Sensitiviti terhadap Potensi Kerugian kepada Sistem Perbankan



(..) menandakan anggaran berdasarkan rangka kerja sebelum penambahbaikan
[..%] menandakan nisbah potensi kerugian kepada penampan modal lebihan bank

[1] Berdasarkan kenaikan kadar pemberian pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berikutan dua kenaikan Kadar Dasar Semalaman berturut-turut pada tahun 2006
[2] Hampir tiga kali kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compounded annual growth rate*, CAGR) 2009 - 2016 sebanyak 7.3% bagi perbelanjaan untuk keperluan asas
[3] Lebih besar daripada kejatuhan pendapatan boleh guna isi rumah agregat sebanyak 8.7% semasa Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

[11] Sebelum ini, anggaran kerugian akibat mungkir mengambil kira cagaran asas hanya daripada pinjaman perumahan dan mengenakan potongan sebanyak 40% terhadap nilai cagaran sekiranya berlaku kemungkiran. Pinjaman lain dianggap mempunyai kerugian akibat mungkir sebanyak 100%.
[12] Sebahagian besar pinjaman untuk pembelian sekuriti dilaburkan dalam dana unit amanah berharga tetap.
[13] Melebihi pengawalseliaan minimum 8%.

Permintaan terhadap Perumahan Mampu Milik Terus Kukuh dalam Keadaan Ketidakseimbangan Beberapa Segmen Pasaran Harta Tanah yang Berterusan

Harga rumah Malaysia[14] terus meningkat pada kadar yang lebih sederhana, khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Kenaikan harga rumah disebabkan terutamanya oleh permintaan yang berterusan untuk harta tanah mampu milik,[15] sementara aktiviti dalam harta tanah jenis kondominium dan pangsapuri berharga tinggi masih lagi lemah. Namun, terdapat beberapa tanda pemulihan pasaran dalam tiga bulan pertama tahun 2019, iaitu apabila urus niaga perumahan, baik dari segi jumlah mahupun nilai, masing-masing mencatatkan kenaikan yang mendadak (Rajah 6). Sebahagian besar daripada urus niaga perumahan adalah didorong terutamanya oleh rumah berharga di bawah RM300,000. Hal ini mencerminkan permintaan yang berterusan untuk rumah mampu milik di kebanyakan negeri. Permintaan untuk perumahan juga didorong oleh pelbagai inisiatif sektor awam dan swasta yang bertujuan untuk mengurangkan kos perumahan (Jadual 1).

Rajah 6: Pasaran Harta Tanah – Transaksi Perumahan

Pasaran kediaman menunjukkan beberapa tanda pemulihan pada suku pertama 2019



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Jadual 1

Inisiatif Kolektif untuk Membantu Pembeli Rumah

Disasarkan kepada pembeli rumah kali pertama	**Pengecualian Duti Setem**	• Pengecualian duti setem ke atas memorandum pertukaran (*memorandum of transfer*) dan perjanjian pinjaman untuk RM300,000 yang pertama. Pengecualian diberikan kepada harta tanah berharga sehingga RM500,000 (pasaran primer dan sekunder).
		• Pengecualian ini sah untuk tempoh dua tahun sehingga bulan Disember 2020.
	Dana BNM untuk Rumah Mampu Milik	• Pembeli rumah kali pertama yang layak dengan pendapatan isi rumah bulanan sehingga RM4,360 akan mendapat akses kepada pembiayaan rumah pada kadar pembiayaan konsesi sehingga 3.5% setahun untuk membeli rumah berharga sehingga RM300,000.
	Jaminan Gadai Janji	• Margin pembiayaan yang lebih tinggi disokong oleh jaminan daripada Cagamas Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad di bawah pelbagai skim: - Skim Rumah Pertamaku: Untuk pembelian rumah pertama berharga sehingga RM300,000 (peminjam tunggal) dan RM500,000 (peminjam bersama). - Skim Perumahan Belia: Untuk pembelian rumah pertama berharga sehingga RM500,000. - Skim Jaminan Kredit Perumahan: Untuk pembelian rumah pertama berharga sehingga RM300,000.
Disasarkan kepada semua pembeli	**Kempen Pemilikan Rumah**	• Pengecualian duti setem ke atas memorandum pertukaran bagi harta kediaman berharga sehingga RM1 juta dan bagi perjanjian pinjaman sehingga RM2.5 juta.
		• Diskaun harga (minimum 10%) daripada pemaju (bagi harta tanah berharga melebihi RM300,000).
		• Kempen dilanjutkan sehingga bulan Disember 2019 berikutan sambutan yang amat menggalakkan daripada para pembeli rumah.
	Bantuan Khidmat Nasihat	• Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) ditubuhkan bagi membantu pemohon yang tidak berjaya memperoleh pembiayaan rumah untuk lebih memahami faktor-faktor yang mempengaruhi permohonan pembiayaan mereka, serta membantu meningkatkan kelayakan mereka mendapatkan pembiayaan pada masa hadapan. MyKNP merupakan usaha sama Bank Negara Malaysia, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan AKPK.
		• Program Pendidikan Kewangan RUMAHKU oleh AKPK untuk membantu bakal peminjam memahami komitmen kewangan mereka sebelum membeli rumah.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, AKPK, CGC, Kementerian Kewangan dan aliran berita

[14] Diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM).
[15] Terutamanya rumah teres yang berharga kurang daripada RM500,000.

Yang penting, bakal pembeli rumah juga menerima khidmat nasihat kewangan dan bantuan menerusi program pendidikan kewangan AKPK dalam talian yang dinamakan RUMAHKU. Program dalam talian ini bertujuan membantu mereka menilai komitmen dan keupayaan kewangan masing-masing untuk mengambil obligasi kewangan baharu sebelum membeli rumah pertama mereka. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2019, lebih 12,000 peserta telah berjaya menamatkan program itu. Setiap seorang daripada tujuh peserta yang menamatkan program tersebut memutuskan untuk tidak meneruskan rancangan pembelian rumah dalam jangka terdekat setelah mempertimbangkan kemampuan mereka untuk membiayai komitmen kewangan jangka panjang. Keputusan untuk membeli rumah berdasarkan maklumat yang lebih menyeluruh, seterusnya akan menyumbang kepada pembentukan asas lebih kukuh bagi pasaran perumahan yang mampan.

Meskipun terbukti bahawa permintaan untuk membeli rumah merupakan permintaan tulen, data rasmi dan interaksi dengan peserta industri menunjukkan bahawa ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan untuk rumah masih berlanjutan. Hal ini dijangka berterusan sekurang-kurangnya dalam jangka terdekat hingga sederhana memandangkan keadaan bekalan perumahan pada amnya tidak anjal, terutamanya di pusat-pusat bandar. Pada akhir bulan Mac 2019, jumlah rumah yang tidak terjual[16] meningkat lagi kepada 177,200 unit (2018: 168,261 unit) dengan 73% daripada harta tanah tidak terjual merupakan harta tanah yang harganya melebihi paras harga rumah mampu milik maksimum.[17] Unit-unit rumah yang berharga lebih daripada RM300,000 terus membentuk bahagian terbesar daripada pelancaran rumah baharu, lantas menambahkan lagi jurang ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan. Walau bagaimanapun, permintaan yang terus kukuh untuk harta tanah dalam segmen mampu milik serta pengimbangan semula secara beransur-ansur dalam aktiviti pelancaran rumah baharu oleh pemaju kepada harta tanah yang berharga kurang daripada RM500,000 seharusnya mengurangkan risiko penurunan harga rumah secara mendadak dan meluas. Dedahan bank kepada pemaju harta tanah yang mempunyai stok unit rumah tidak terjual kekal kecil pada 2.0% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan, serta 2.9% daripada pemegangan bon korporat dan sukuk. Daripada jumlah ini, dedahan bank kepada pinjaman yang diklasifikasikan sebagai tertunggak atau tidak berbayar[18] masih kecil, iaitu 0.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Dalam segmen harta bukan kediaman, aktiviti pasaran terus meningkat dalam suku pertama tahun 2019. Bilangan urus niaga harta tanah komersial meningkat sebanyak 25.1% (S4 2018: 16.3%), hasil daripada urus niaga yang lebih tinggi dalam segmen kedai, terutamanya di beberapa buah negeri bukan utama. Walau bagaimanapun, nilai urus niaga keseluruhan menurun sebanyak 25.9% (S4 2018: 6.7%), mencerminkan harga urus niaga purata yang lebih rendah bagi harta tanah untuk tujuan hiburan dan komersial yang lain.[19]

Keadaan lebihan bekalan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah berterusan

Keadaan lebihan bekalan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah masih berterusan. Di Lembah Klang, bekalan baharu ruang pejabat kekal besar dan mencecah 36.3 juta kaki persegi. Secara purata, 4.4 juta kaki persegi setahun dijangka ditambah ke dalam pasaran antara tahun 2019 hingga 2021. Jumlah ini jauh lebih tinggi daripada purata permintaan tahunan sebanyak 2.3 juta kaki persegi setahun sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu. Pelbagai insentif menarik, termasuk tempoh pelepasan sewa (sewa tidak perlu dibayar dalam tempoh tertentu) yang lebih panjang serta diskaun sewaan, kekal menjadi ciri utama dalam rundingan penyewaan dan mungkin akan menyebabkan kadar sewa efektif menurun lagi. Sementara itu, jumlah kompleks beli-belah baharu di negeri-negeri utama adalah sebanyak 140 unit dengan keluasan ruang perniagaan baharu sebanyak 67.8 juta kaki persegi. Dengan kadar kekosongan ruang pejabat dan kompleks beli-belah serta ruang niaga per kapita di bandar raya utama di Malaysia jauh lebih tinggi daripada bandar raya setaranya di rantau ini (Rajah 7), risiko pelarasan ke bawah harga ruang niaga dan

[16] Merujuk harta tanah tidak terjual yang telah siap dan harta tanah tidak terjual yang sedang dalam pembinaan. Harta tanah ini merangkumi semua harta kediaman serta pangsapuri perkhidmatan dan pejabat kecil/ pejabat rumah (SOHO).

[17] Pengiraan dibuat berdasarkan Pendekatan Beban Kos Perumahan, dengan rumah dianggap sebagai mampu milik jika kos pembayaran balik perumahan bulanan tidak melebihi 30% daripada pendapatan isi rumah. Anggaran adalah berlandaskan unit tidak terjual yang tidak mampu dibeli oleh isi rumah di negeri masing-masing berdasarkan pendapatan semasa. Tidak termasuk Putrajaya dan Labuan.

[18] Berdasarkan klasifikasi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) 9.

[19] Harta tanah komersial lain termasuk tanah.

Rajah 7: Pasaran Harta Tanah – Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Ruang Niaga Utama serta Ruang Niaga Utama per Kapita di Negeri-negeri Utama

Kadar kekosongan dan ruang niaga utama per kapita di negeri-negeri utama adalah lebih tinggi berbanding bandar raya-bandar raya serantau



Nota:
i. Data adalah setakat S1 2019
ii. Ruang niaga merujuk kepada kompleks beli-belah
iii. Bandar raya serantau untuk data ruang pejabat utama merujuk kepada Bangkok, Beijing, Hong Kong, Manila, Seoul, Shanghai dan Singapura
iv. Bandar raya serantau untuk data ruang niaga utama merujuk kepada Bangkok, Hanoi, Ho Chi Minh, Jakarta, New Delhi, Shanghai dan Singapura
v. Anggaran jumlah penduduk bandar raya-bandar raya serantau dan bandar raya-bandar raya utama di Malaysia adalah pada tahun 2018

Sumber: Colliers, Cushman and Wakefield, Jones Lang LaSalle, Jones Lang Wootton, Knight Frank, Savills, Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

ruang pejabat kekal tinggi meskipun harga urus niaga didapati telah bertambah baik pada suku pertama. Dedahan bank kepada segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah hanya mencakupi 3.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul, dan 4.6% daripada pemegangan bon korporat dan sukuk, dengan sebahagian besarnya terus menunjukkan prestasi yang baik. Walau bagaimanapun, limpahan yang lebih meluas kepada sektor ekonomi berikutan kelemahan berpanjangan dalam pasaran harta tanah komersial boleh mendedahkan sistem kewangan kepada risiko yang lebih tinggi.

Pada akhir bulan Jun 2019, jumlah dedahan institusi kewangan kepada harta tanah berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 5.7% (2018: 6.6%), sejajar dengan keadaan pasaran harta tanah yang lebih lembap (Rajah 8). Permintaan untuk pembiayaan perumahan terus menyokong pertumbuhan kredit keseluruhan, dengan pertumbuhan yang nyata lebih kukuh dicatatkan dalam permohonan pembiayaan untuk harta kediaman yang berharga kurang daripada RM1 juta (ST1 2019: 12.7%; 2018: 1.3%). Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2019, sebanyak RM78.5 bilion pinjaman perumahan baharu diluluskan

Rajah 8: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah

Kebanyakan dedahan institusi kewangan berkaitan dengan pembiayaan akhir untuk membeli harta kediaman dan bukan kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada lebih 180,000 peminjam. Daripada jumlah ini, 44% merupakan pembeli rumah kali pertama. Pertumbuhan pembiayaan bank kepada segmen harta bukan kediaman pula meningkat sebanyak 2.7% pada akhir bulan Jun 2019 (2018: 2.3%), didorong sebahagian besarnya oleh pembiayaan akhir untuk pembelian kedai dan kompleks beli-belah. Walau bagaimanapun, bank terus mengambil sikap berhati-hati dalam memberikan pinjaman kepada segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah, seperti yang dicerminkan oleh penurunan dalam kadar kelulusan pinjaman bagi tujuan pinjaman tersebut.

Risiko daripada sektor harta tanah terus terkawal, disokong oleh amalan pemberian pinjaman yang kukuh

Amalan pemberian pinjaman bank yang kukuh terus mengurangkan risiko yang berpunca daripada potensi berlakunya perkembangan yang buruk dalam pasaran harta tanah. Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman kekal rendah (Rajah 9). Yang penting, sebahagian besar (83%) jumlah pinjaman harta kediaman dikeluarkan kepada penghuni kediaman yang mempunyai insentif untuk membuat pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pelabur. Keadaan ini terus mengurangkan risiko kestabilan kewangan sekiranya berlaku pelarasan harga rumah secara menyeluruh ke paras yang lebih rendah. Selain itu, 69% daripada pinjaman perumahan terkumpul mempunyai nisbah pinjaman kepada nilai yang kurang daripada 80%, lantas mengehadkan potensi kerugian akibat kemungkiran sekiranya berlaku pelarasan harga yang mendadak. Walaupun risiko kekal tinggi dalam segmen harta bukan kediaman, bank juga telah memperkukuh piawaian pengurusan risiko kredit, yang antara lain meliputi proses penilaian yang lebih teguh terhadap daya maju sesuatu projek pembangunan serta kekukuhan kedudukan kewangan pemaju harta tanah. Berdasarkan analisis sensitiviti oleh Bank, institusi perbankan terus mengekalkan penampan modal yang mencukupi untuk menyerap 1.5 kali kemungkinan kerugian di bawah senario tekanan yang teruk.[20] Analisis ini turut mengambil kira potensi kesan limpahan kepada sektor ekonomi lain yang sangat bergantung pada prestasi sektor harta tanah.

Risiko daripada Sektor Korporat Terkawal, Walaupun Keadaan Perniagaan Lebih Mencabar

Pada akhir bulan Jun 2019, agregat hutang syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporate*, NFC) berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih sederhana sebanyak 3.6% kepada RM1,508.8 bilion atau 102% daripada KDNK (Rajah 10). Hal ini

Rajah 9: Pasaran Harta Tanah – Nisbah Pinjaman Terjejas bagi Pembiayaan Akhir Mengikut Segmen

Kualiti pinjaman harta kediaman dan harta bukan kediaman kekal kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 10: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK

Perkembangan hutang didorong oleh peminjaman domestik



Nota: Mencerminkan KDNK nominal yang lebih tinggi, berikutan pengasasan semula KDNK daripada 2010=100 kepada 2015=100; hutang syarikat korporat bukan kewangan kepada KDNK pada Disember 2018 adalah 103.7% seperti dilaporkan dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018

Sumber: Bank Negara Malaysia

[20] Kejutan pendapatan 50% ke atas kumpulan peminjam besar dalam sektor harta tanah dan penurunan harga harta tanah sebanyak 50%.

mencerminkan pembayaran balik pinjaman perniagaan yang lebih tinggi dalam keadaan ekonomi yang lebih tidak menentu dan terbitan bon yang lebih rendah berikutan rasionalisasi projek infrastruktur awam oleh Kerajaan. Sebahagian besar daripada pertumbuhan pembiayaan disokong oleh kegiatan perniagaan yang berterusan dalam sektor pembinaan, perkilangan serta perdagangan borong dan runcit.

Jumlah pembayaran balik pinjaman perniagaan meningkat sebanyak 2.6% pada asas tahun ke tahun, kepada RM393.6 bilion pada separuh pertama tahun 2019 (ST1 2018: 3.9%; RM383.7 bilion), melebihi pengeluaran pinjaman keseluruhan yang meningkat sebanyak 0.3% pada asas tahun ke tahun, kepada RM391.1 bilion (ST1 2018: 5.4%; RM390 bilion). Pertumbuhan pengeluaran pinjaman yang lebih perlahan juga mencerminkan permintaan yang lebih rendah untuk pembiayaan seperti yang ditunjukkan dalam penurunan jumlah permohonan yang diterima, termasuk daripada PKS. Bank-bank terus optimistik dengan pertumbuhan pinjaman perniagaan mereka bagi tahun 2019, meskipun mereka menjangkakan pertumbuhan bakal menjadi lebih perlahan daripada unjuran awal. Secara keseluruhan, kadar kelulusan pinjaman perniagaan kekal stabil sekitar 83%, dengan trend yang hampir menjurus kepada purata lima tahunnya. Syarat kredit telah diperketat sedikit dalam suku-suku tahun kebelakangan ini, namun, kebanyakannya tertumpu pada sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang secara relatif lemah, seperti sektor harta tanah dan O&G.

Hutang luar negeri NFC, yang masing-masing mencakupi satu perempat daripada jumlah hutang NFC dan KDNK, berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 2.9% pada separuh pertama tahun 2019 (2018: 7.5%). Hal ini didorong terutamanya oleh pinjaman antara syarikat yang diambil oleh syarikat multinasional dalam sektor perkhidmatan dan sektor berkaitan O&G. Sebahagian besar daripada risiko hutang luar negeri NFC kekal terkawal. Ini memandangkan tiga perempat daripada peminjaman luar negeri ini bertempoh sederhana hingga panjang, dan kebanyakan dedahan mata wangnya dilindungi nilai (*hedged*). Tambahan pula, hampir separuh daripada dedahan tersebut adalah dalam bentuk pinjaman antara syarikat yang lazimnya dikenakan syarat pinjaman yang fleksibel atau terma konsesi, serta mempunyai kemudahan kredit perdagangan yang disandarkan pada perolehan eksport. Hal ini mengurangkan lagi risiko pembayaran balik dan pelanjutan (*rollover risk*).

Secara agregat, kedudukan kewangan NFC menjadi lemah sedikit pada separuh pertama tahun 2019 (Rajah 11) dalam keadaan perniagaan yang lebih mencabar. Penunjuk kewangan bagi tahap kedudukan perniagaan memaparkan beberapa kemerosotan, sebahagiannya disebabkan oleh keperluan membuat pelarasan di bawah piawaian pelaporan kewangan baharu.[21] Perkembangan ini sebahagian besarnya telah memberikan kesan kepada syarikat dalam sektor telekomunikasi, penerbangan dan utiliti. Walaupun margin operasi keseluruhan bertambah baik, perolehan beberapa sektor didapati lebih rendah. Syarikat dalam sektor perladangan telah terjejas akibat kejatuhan harga minyak sawit mentah, manakala syarikat dalam sektor pengangkutan serta sektor bahan binaan melaporkan penurunan dalam perolehan mereka, masing-masing akibat kos operasi yang lebih tinggi, dan permintaan yang semakin lemah terhadap bahan binaan berikutan keadaan pasaran harta tanah yang lembap.

Rajah 11: Sektor Perniagaan – Penunjuk Leveraj, Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Mudah Tunai

Keupayaan membayar balik hutang kekal mampan meskipun dalam keadaan kedudukan kewangan NFC sedikit lemah



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

[21] MFRS 16 memerlukan syarikat merekodkan pajakan operasi luar kunci kira-kira yang bertempoh lebih panjang (iaitu lebih 12 bulan) di dalam kunci kira-kira. Ini lazimnya meningkatkan nisbah penggearan (*gearing*) dan perbelanjaan faedah, kerana syarikat kini perlu merekodkan pembayaran pajakan sebagai liabiliti dalam kunci kira-kira mereka.

Liputan Data Prestasi Kewangan NFC Diperluas

Liputan Bank terhadap prestasi kewangan NFC telah diperluas dalam laporan ini untuk memasukkan semua syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia (Bursa). Sebelum ini, liputan hanya merangkumi 120 syarikat terbesar (tidak termasuk institusi kewangan) yang mencakupi kira-kira 85% daripada permodalan pasaran Bursa. Kemasukan syarikat-syarikat yang lebih kecil dalam set data ini telah menghasilkan agregat keupayaan membayar balik hutang yang lebih rendah bagi perniagaan memandangkan syarikat-syarikat yang lebih kecil ini lazimnya mempunyai perolehan yang lebih rendah, walaupun mereka juga biasanya mempunyai tahap leveraj yang lebih rendah. Kedudukan mudah tunai agregat sektor perniagaan (seperti yang diukur oleh median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek atau *cash-to-short-term debt ratio*, CASTD) juga lebih rendah di bawah set data yang diperluas ini. Hal ini mencerminkan pergantungan lebih tinggi oleh syarikat kecil terhadap pembiayaan jangka pendek (Rajah 12). Walau bagaimanapun, median CASTD syarikat dalam set data yang diperluas ini terus sejajar dengan purata lima tahunnya.

Rajah 12: Sektor Perniagaan – Perbandingan Penunjuk Leveraj, Keupayaan Membayar Balik Hutang dan Mudah Tunai dengan Set Data yang Diperluas

Syarikat tersenarai awam yang lebih besar secara relatifnya mempunyai leveraj yang lebih tinggi berserta kedudukan keupayaan membayar balik hutang dan mudah tunai yang lebih kukuh



Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keupayaan membayar balik hutang kebanyakan syarikat tetap utuh, disokong oleh leveraj dan nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR)[22] yang berhemat. Median CASTD kekal pada purata lima tahunnya, iaitu 0.9 kali dan ini sebahagian besarnya mencerminkan profil hutang jangka pendek syarikat-syarikat yang lebih kecil. Kebanyakan syarikat kecil mencatatkan ICR yang melebihi paras ambang kehematan, dengan median ICR sebanyak empat kali. Namun demikian, kajian[23] oleh Bank menunjukkan bahawa perubahan dalam nisbah mudah tunai merupakan penunjuk ramalan kualiti pinjaman perniagaan pada masa hadapan, dan oleh itu mewajarkan pemantauan berterusan terhadap perkembangan pada peringkat syarikat pada masa hadapan. Tidak termasuk syarikat-syarikat yang lebih kecil, median CASTD bagi 120 buah syarikat terbesar ialah 1.3 kali.

Kualiti keseluruhan peminjaman perniagaan terus mampan, meskipun terdapat kelemahan dalam beberapa sektor tertentu

Pada separuh pertama tahun 2019, nisbah pinjaman terjejas sektor perniagaan secara keseluruhannya meningkat sedikit tetapi masih selaras dengan purata lima tahunnya (Rajah 13). Peningkatan nisbah ini sebahagian besarnya mencerminkan cabaran dari segi operasi dan kewangan yang dihadapi syarikat-syarikat tertentu dalam sektor perkilangan dan minyak sawit dan bukannya melibatkan semua sektor. Syarikat-syarikat dalam sektor berkaitan O&G, pembinaan dan harta tanah terus berdepan dengan rintangan, namun terdapat beberapa tanda pemulihan baru-baru ini.

Dalam sektor O&G, turun naik harga minyak dunia terus memberikan tekanan kepada syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun, potensi risiko kepada sistem kewangan dijangka semakin berkurang pada masa hadapan berikutan usaha syarikat-syarikat untuk mengurangkan hutang atau berjaya menstrukturkan semula hutang mereka. Keadaan ini dilihat pada median nisbah leveraj yang nyata lebih rendah pada 37.7% pada akhir bulan Jun 2019 (2018: 51.4%). Median ICR sektor ini juga telah meningkat melebihi paras ambang kehematan berikutan perolehan yang lebih baik. Hal ini disebabkan oleh kadar penggunaan aset yang lebih tinggi berikutan peningkatan aktiviti

Rajah 13: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

luar pesisir. Keupayaan untuk membayar balik hutang oleh syarikat-syarikat ini dijangka terus bertambah baik memandangkan kebanyakan peserta O&G, terutamanya dalam segmen huluan, terus mengurangkan paras hutang mereka (Rajah 14). Walaupun nisbah pinjaman terjejas sektor O&G kekal tinggi, bank telah pun membuat peruntukan bagi menampung sebahagian besar daripada potensi kerugian segmen ini.

Walaupun kerajaan telah membuat penjelasan berhubung dengan langkah mengkaji semula projek-projek infrastruktur utama, nilai kontrak projek tersebut yang lebih rendah dijangka memberikan tekanan terhadap margin keuntungan syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan. Bagi syarikat yang lebih kecil, mereka akan terus menghadapi cabaran persaingan yang semakin meningkat daripada syarikat lebih besar yang turut terlibat dalam projek berskala lebih kecil. Hal ini mungkin menyebabkan PKS tersisih. Sesetengah syarikat juga terus menghadapi gangguan aliran tunai disebabkan oleh kelewatan pembayaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan. Walaupun hutang berisiko (diukur sebagai bahagian hutang yang ditanggung oleh syarikat dengan ICR yang kurang daripada dua

[22] Paras ambang kehematan bagi ICR ialah dua kali.

[23] Bank Negara Malaysia baru-baru ini menjalankan kajian untuk mewujudkan hubungan antara keadaan makroekonomi, prestasi kewangan dan pinjaman terjejas perniagaan dengan menggunakan model *multivariate ordinary least squares regressions*. Kajian ini menunjukkan bahawa pergerakan dalam tiga nisbah kewangan yang ketara secara statistik (leveraj, kesolvenan dan mudah tunai) dapat meramalkan nisbah pinjaman terjejas pada masa hadapan.

Rajah 14: Sektor Perniagaan – Penunjuk Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih

Nisbah perlindungan faedah melebihi paras ambang kehematan bagi syarikat dalam sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang secara relatif lemah



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

kali) syarikat pembinaan semakin meningkat, kebanyakan syarikat besar terus mendapat tawaran projek yang menggalakkan, yang seterusnya menyokong keupayaan mereka untuk membayar balik hutang.

Secara agregat, jumlah hutang berisiko korporat meningkat kepada 23.6% (2018: 19%) daripada jumlah hutang syarikat yang disenaraikan. Keadaan ini mencerminkan terutamanya perubahan mengenai cara syarikat yang mempunyai pajakan operasi yang besar perlu melaporkan perbelanjaan faedah mereka di bawah pengaturan pajakan berikutan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) 16. Meskipun terdapat perubahan ini, nisbah pinjaman terjejas bagi sektor yang paling banyak dipengaruhi oleh perkembangan ini dilihat kekal pada tahap yang rendah dan stabil.

Dedahan institusi kewangan kepada kumpulan peminjam besar[24] berkurang sedikit kepada 42.1% (2018: 42.7%) pada akhir bulan Jun 2019. Berdasarkan analisis sensitiviti oleh Bank, kumpulan peminjam besar ini mungkin menghadapi masalah mudah tunai jangka pendek di bawah simulasi keadaan tekanan. Di bawah senario tekanan yang besar terhadap perolehan – yang akan memberikan impak terbesar terhadap keupayaan membayar balik hutang – median ICR kumpulan peminjam yang besar akan terus berada pada paras ambang kehematan, iaitu dua kali (2018: 2.2 kali). Walaupun keadaan ini dijangka tidak mungkin berlaku, sekiranya semua kejutan[25] yang disimulasikan berlaku serentak, ICR kumpulan peminjam yang besar akan jatuh sedikit di bawah paras ambang kehematan kepada 1.8 kali. Namun demikian, penampan modal lebihan bank adalah mencukupi untuk menampung 2.3 kali potensi kerugian kredit yang berpunca daripada kumpulan peminjam besar yang lebih cenderung untuk mungkir di bawah andaian keadaan tekanan.

Bagi tempoh selanjutnya tahun ini, ketegangan perdagangan dan risiko geopolitik yang semakin meruncing akan terus menjejaskan prestasi perniagaan. Di samping itu, prestasi syarikat-syarikat dalam sektor komoditi berkemungkinan akan terus dipengaruhi oleh turun naik harga komoditi dunia. Sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko awalan, bank telah berhubung dan berbincang secara proaktif dengan peminjam, khususnya dengan PKS, yang mungkin menerima kesan daripada keadaan perniagaan yang lebih mencabar bagi membantu memastikan mereka terus berupaya untuk memenuhi obligasi pembayaran balik hutang. Ini termasuk penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R) kemudahan kredit, dengan memberikan fleksibiliti yang lebih besar kepada PKS yang layak[26] berdasarkan garis panduan Bank mengenai pelaporan pengawalseliaan untuk membantu usaha ini. Namun, bank masih perlu memantau prestasi kumpulan PKS ini secara berasingan dan terus membuat peruntukan yang mencukupi bagi menampung kerugian kredit yang mungkin berlaku. Satu lagi langkah tambahan untuk membantu PKS ialah penubuhan Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) dengan kerjasama Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. MyKNP menyediakan khidmat nasihat kepada PKS tentang cara untuk meningkatkan tahap kelayakan mereka mendapatkan pembiayaan dan sumber pembiayaan alternatif yang lebih sesuai dengan keadaan dan

[24] Kumpulan peminjam NFC besar mewakili syarikat yang mempunyai agregat dedahan kredit (termasuk pembiayaan langsung dan pemegangan bon dan sukuk korporat) melebihi RM1 bilion dengan institusi kewangan Malaysia.

[25] Sehingga 30% susut nilai dalam ringgit, penurunan 50% dalam keuntungan operasi, dan peningkatan 50 dan 100 mata asas dalam kos peminjaman masing-masing untuk ringgit dan mata wang asing.

[26] R&R pinjaman/pembiayaan PKS tidak perlu diklasifikasikan sebagai kemudahan R&R dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS), dengan syarat tempoh pembayaran balik prinsipal dan faedah/keuntungan pinjaman/pembiayaan tidak melebihi 90 hari atau tiga bulan daripada tarikh permohonan. Fleksibiliti yang diberikan kepada kemudahan tersebut adalah untuk tempoh dua tahun sehingga 30 Jun 2021.

keperluan khusus mereka. Inisiatif ini bertujuan membantu PKS mendapatkan akses yang berterusan kepada pembiayaan dan mengurangkan kemungkinan berlakunya keadaan kredit yang lebih ketat.

RISIKO PASARAN

Pasaran Kewangan Domestik Kekal Teratur Meskipun Menghadapi Rintangan Domestik dan Luaran

Pasaran kewangan domestik terus mengalami beberapa episod turun naik pada tahun 2019 disebabkan oleh perkembangan domestik dan luaran. Bagi sektor luaran, FOMC AS mengurangkan kadar dasar buat kali pertama dalam tempoh lebih satu dekad pada bulan Julai. Walaupun pengurangan kadar faedah ini secara umumnya telah dijangkakan oleh pasaran, peningkatan ketegangan perdagangan yang tidak dijangka antara AS dengan Republik Rakyat China (RR China) pada bulan Ogos menyebabkan prospek dasar monetari semakin tidak menentu pada peringkat global. Di dalam negeri, faktor-faktor idiosinkratik susulan berita mengenai penyingkiran bon terbitan pasaran sedang pesat membangun (*emerging market*) daripada indeks penanda aras yang digunakan oleh Norges Bank dan kemungkinan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dikeluarkan daripada FTSE Russell WGBI yang berlaku pada pertengahan bulan April hingga akhir Mei, telah mencetuskan aliran keluar bukan pemastautin (*non-resident*, NR) daripada pasaran bon dan ekuiti. Pemegangan NR dalam bon kerajaan Malaysia merosot kepada 20.9% daripada jumlah bon kerajaan terkumpul pada akhir bulan Mei, iaitu paras terendah yang dicatatkan sejak tahun 2010 (paras tertinggi pada bulan November 2016: 34%). Pada akhir bulan Ogos, pemegangan NR berada pada 22% daripada jumlah bon kerajaan terkumpul. Meskipun berlaku perkembangan ini, keadaan pasaran kekal teratur kerana permintaan yang kukuh daripada pelabur institusi domestik (*domestic institutional investors*, DII), termasuk institusi kewangan, terus menyokong penilaian.

Tekanan pasaran keseluruhan seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) meningkat sejak suku kedua tahun 2019, tetapi kekal jauh di bawah paras yang dicatatkan pada tahun 2018 (Rajah 15). Bagi tempoh dari bulan Januari hingga Ogos 2019, pelabur NR mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM7 bilion ke dalam

Rajah 15: Pasaran Kewangan - Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Peningkatan ketegangan perdagangan dan perubahan dasar monetari yang tidak dijangka terus mewujudkan tekanan pasaran sehingga akhir tahun 2019



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

pasaran bon kerajaan berikutan jangkaan kadar faedah AS akan dikurangkan dan penyambungan semula rundingan perdagangan AS-RR China pada bulan Jun yang menyebabkan aliran keluar terdahulu kembali pulih (Rajah 16). Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti terus mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM7.4 bilion berikutan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap perolehan korporat yang semakin lemah dan ketidakpastian dalam perkembangan perdagangan sepanjang tahun.

Institusi kewangan terus aktif mengurus dedahan risiko pasaran dan pada masa yang sama meneruskan amalan pengambilan risiko yang berhemat

Bank-bank

Portfolio perbendaharaan bank berkembang pada separuh pertama tahun 2019, disebabkan terutamanya oleh pemegangan bon kerajaan yang lebih tinggi dalam akaun perbankan (*banking book*) berikutan penjualan oleh pelabur NR pada bulan April dan Mei. Seiring dengan itu, risiko kadar faedah dalam akaun perbankan juga meningkat sedikit daripada 4.3% pada awal tahun kepada 4.5% daripada jumlah modal pada suku kedua 2019. Walaupun saiz akaun perdagangan bank juga meningkat, bahagiannya

Rajah 16: Pasaran Kewangan – Aliran Portfolio Bukan Pemastautin Kumulatif

Aliran masuk bersih bukan pemastautin dicatatkan dalam pasaran bon kerajaan namun aliran keluar berterusan dalam pasaran ekuiti



A: - Berita mengenai kemungkinan MGS dikeluarkan daripada indeks bon
- AS menaikkan tarif ke atas barangan RR China
B: - Penyambungan rundingan perdagangan dan pelonggaran larangan terhadap Huawei
C: - Pemotongan kadar AS dalam keadaan perkembangan perdagangan yang tidak menentu

Sumber: Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

secara relatif kekal kecil pada 18.5% daripada jumlah sekuriti (2018: 17.4%). Kedudukan terbuka bersih (*net open position*, NOP) pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) bank menurun kepada 4.9% daripada jumlah modal (2018: 5.8%). Hal ini mencerminkan sentimen bank yang lebih berhati-hati memandangkan keadaan pasaran tidak menentu pada separuh pertama tahun 2019. Dedahan kepada dolar AS juga terus merangkumi sebahagian besar dedahan FX NOP. Sumbangan perolehan bersih dagangan dan pelaburan kepada keuntungan bank sebelum cukai meningkat kepada 20.2% (2018: 17.8%) berdasarkan penilaian bon yang lebih baik disebabkan oleh kadar faedah yang lebih rendah. Strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai secara aktif oleh bank terus membendung dedahan risiko pasaran ke tahap yang terurus, dan kekal pada tahap berhemat bagi nilai berisiko (*value-at-risk*) dan kerugian yang mampu ditampung oleh setiap bank.

Penanggung insurans dan pengendali takaful

Pemegangan aset kewangan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful berkembang dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2019 seiring dengan pertumbuhan dana insurans. Bagi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, sebahagian besar pemegangan pelaburan mereka kekal dalam bentuk bon korporat jangka sederhana dan jangka panjang untuk memadankan struktur liabiliti mereka yang berjangka lebih panjang. Sebaliknya, penanggung insurans dan pengendali takaful am terus memegang sebahagian besar wang tunai, deposit dan produk mudah tunai berstruktur disebabkan oleh struktur liabiliti yang berjangka lebih pendek.

Pemegangan ekuiti meningkat pada separuh pertama tahun 2019 berikutan penanggung insurans dan pengendali takaful memanfaatkan penilaian yang menguntungkan. Seiring dengan itu, modal yang diperuntukkan untuk risiko ekuiti meningkat sedikit kepada 7.8% (2018: 7.7%) daripada jumlah modal yang tersedia. Pemegangan ekuiti sebahagian besarnya terus terdiri daripada saham-saham syarikat berprestasi tinggi dan amat pelbagai merentas sektor ekonomi yang berbeza. Dedahan risiko kadar faedah meningkat kepada 4.4% (2018: 2.9%) daripada jumlah modal yang tersedia seiring dengan kadar hasil bon yang berkurang dalam tempoh itu. Secara keseluruhan, penanggung insurans dan pengendali takaful menunjukkan prestasi pelaburan yang lebih kukuh berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2018. Hal ini sebahagian besarnya didorong oleh penilaian yang lebih baik dalam pasaran bon domestik.

RISIKO MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN

Bank-bank Mengekalkan Aset Mudah Tunai yang Mencukupi Dalam Keadaan Pendanaan yang Stabil

Pada separuh pertama tahun 2019, bank terus aktif menguruskan kedudukan mudah tunai sebagai langkah persediaan untuk menghadapi deposit perniagaan yang akan matang dan bagi mengambil peluang untuk menambahkan aset mudah tunai. Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan domestik. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan, yang mengukur jumlah aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high quality liquid assets*, HQLA) yang dipegang oleh bank bagi memenuhi keperluan mudah tunai dalam tempoh tekanan 30 hari (Rajah 17), terus meningkat sejak enam bulan yang lalu,

sekali gus menunjukkan daya tahan yang lebih kukuh terhadap potensi kejutan. Semua bank terus mencatatkan paras LCR yang melebihi keperluan pengawalseliaan minimum 100%, yang berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2019. Bersandarkan kedudukan yang teguh ini, bank juga terus memberikan sokongan kepada pasaran dalam tempoh aliran keluar portfolio bukan pemastautin NR yang tinggi, terutamanya pada bulan April dan Mei.

Keadaan pendanaan domestik pada amnya kekal stabil. Aktiviti pengantaraan kredit bank terus dibiayai terutamanya oleh deposit dan pendanaan jangka panjang, yang berkembang secara kolektif sebanyak 4.9%. Deposit keseluruhan mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana pada bulan-bulan kebelakangan ini, sebahagiannya didorong oleh IKBB yang sebelum ini menyumbang kepada pertumbuhan deposit yang kukuh menjelang akhir tahun 2018. Hal ini berlaku apabila institusi tersebut mengagihkan semula pemegangan tunai mereka kepada pelaburan lain. Pertumbuhan deposit perniagaan juga menjadi sederhana selaras dengan peningkatan trend pembayaran balik pinjaman yang dicatatkan sejak awal tahun ini. Meskipun demikian, pertumbuhan deposit keseluruhan terus melebihi purata lima tahunnya (Rajah 18). Terbitan hutang oleh bank juga bertambah 6.2% dalam tempoh tersebut apabila bank terus meningkatkan kestabilan struktur pendanaan mereka sebagai persiapan menghadapi keperluan pengawalseliaan baharu bagi pendanaan yang stabil. Seiring dengan itu, nisbah pinjaman kepada dana (*loan-to-fund*, LTF) serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity*, LTFE) sistem perbankan masing-masing kekal stabil pada 83% dan 72% (Rajah 19). Dalam pasaran antara bank, kadar faedah merentas semua tempoh matang sebahagian besarnya kekal tidak berubah hampir sepanjang separuh pertama tahun 2019. Walau bagaimanapun, kadar antara bank menurun pada bulan Mei, mencerminkan kesan pindahan daripada pelarasan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Kos dana bank (termasuk perbelanjaan faedah yang dibayar atas deposit dan instrumen pendanaan lain) semenjak itu menjadi stabil, lantas menghentikan trend menaik yang dicatatkan sejak akhir tahun 2018.

Risiko yang ditimbulkan oleh dedahan pendanaan mata wang asing (*foreign currency*, FCY) bank kekal terurus, memandangkan pergantungan mereka pada pendanaan luar negeri dan mata wang bersilang adalah terhad. Pendanaan luar negeri yang diperoleh oleh bank adalah kurang 10% daripada jumlah liabiliti pendanaan sistem perbankan, sementara deposit NR hanya mencakupi 5% daripada jumlah deposit sistem perbankan. Sebahagian besar pendanaan FCY bank kekal terdiri daripada deposit dan dana jangka panjang (56%), yang lazimnya bersifat lebih stabil. Sementara itu, hutang luar negeri bank berkembang pada suku kedua tahun 2019 sebanyak RM25.2 bilion kepada RM348.4 bilion, mengimbangi penurunan pada suku pertama (Rajah 20). Peningkatan ini didorong oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi, selaras dengan aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan bank asing di Malaysia (termasuk Labuan) serta pengurusan pendanaan dan mudah tunai berpusat oleh DBG. Seiring dengan kedudukan hutang luar negeri bank yang lebih tinggi, aset luar negeri bank juga meningkat pada suku kedua (+RM22.8 bilion). Ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang kekal rendah apabila peminjaman luar negeri pada amnya terus berpadanan dengan dedahan pembiayaan yang berkaitan, dari segi mata wang dan tempoh. Risiko ini turut terkawal dengan FX NOP bank yang lebih rendah (Rajah 21) dan pemegangan aset mudah tunai FCY, yang mencukupi untuk menanggung lebih dua kali tahap hutang luar negeri berisiko[27] (Rajah 22). Bank-bank juga dikehendaki mematuhi keperluan LCR tempatan yang konsisten dengan piawaian Basel III di negara utama tempat bank-bank Malaysia beroperasi.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan bank mengekalkan profil pendanaan yang stabil bagi menyokong aktiviti mereka, Bank telah mengeluarkan keperluan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR)[28] yang muktamad pada Julai 2019. Piawaian tersebut, yang merupakan sebahagian daripada pakej pembaharuan Basel III, akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2020. Berdasarkan data yang dikumpulkan semasa tempoh pemerhatian, kebanyakan bank berada dalam kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan tersebut, dengan lebih 85% bank sudah melebihi syarat 100%. NFSR sistem perbankan adalah pada 108.5% pada akhir Jun 2019.

---

[27] Merujuk bahagian hutang luar negeri bank yang lebih mudah terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba. Bahagian ini terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan.

[28] NSFR melengkapi LCR, yang berkuat kuasa di Malaysia sejak 1 Jun 2015. LCR menggalakkan daya tahan jangka pendek (30 hari) bagi profil risiko mudah tunai institusi perbankan, manakala NSFR bertujuan mengurangkan risiko pendanaan untuk tempoh sehingga satu tahun.

Rajah 17: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan Aset Mudah Tunai Berkualiti Tinggi

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi



Rajah 18: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit

Pertumbuhan deposit kekal melebihi purata jangka panjang



Rajah 19: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti

Aktiviti pengantaraan bank terus disokong oleh pertumbuhan deposit dan dana jangka panjang



Rajah 20: Hutang Luar Negeri Bank – Mengikut Instrumen

Pendanaan luar negeri secara relatif kekal kecil kepada jumlah pendanaan sistem perbankan



Rajah 21: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD sebagai Peratusan daripada Modal

Kedudukan terbuka bersih FX dan USD kekal rendah



Rajah 22: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY

Bank-bank mengekalkan aset mudah tunai FCY lebih dua kali daripada hutang luar negeri berisiko FCY



Nota:
1 Hutang luar negeri bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di LIBFC
2 Sistem perbankan atau bank dalam pesisir merujuk hanya DBG dan LIFB
3 Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

RISIKO PENULARAN

Risiko Penularan Kekal Terkawal

Pada separuh pertama tahun 2019, risiko penularan yang berpunca daripada aktiviti kewangan IKBB kepada sistem kewangan secara keseluruhannya masih terkawal. Dana kumpulan wang simpanan dan pencen serta industri pengurusan dana terus membentuk bahagian terbesar jumlah aset IKBB. Penyertaan IKBB dalam pasaran kewangan kekal ketara dengan pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti hutang masing-masing mencakupi 28.3% daripada jumlah permodalan pasaran dan 42.4% daripada jumlah terbitan sekuriti hutang terkumpul (Rajah 23). Pemegangan aset kewangan yang sama oleh IKBB dengan institusi kewangan dan juga kepentingan ekuiti IKBB dalam beberapa bank domestik kekal sebagai saluran utama pemindahan risiko kepada sistem kewangan. IKBB meningkatkan pelaburan mereka dalam ekuiti pada separuh pertama tahun 2019, termasuk pemegangan saham dalam bank domestik. Ini didorong oleh IKBB yang mengambil peluang atas penilaian yang menguntungkan bagi menambah portfolio pelaburan mereka. Risiko daripada pelupusan pesat aset-aset kewangan ini yang boleh menyebabkan pelarasan harga secara mendadak adalah terhad memandangkan tempoh pelaburan IKBB yang kebanyakannya berjangka sederhana hingga panjang, serta ciri strategik pelaburan mereka. Sebaliknya, IKBB yang besar terus memberikan sokongan mudah tunai kepada pasaran kewangan domestik, terutamanya semasa tempoh aliran keluar pada separuh pertama tahun ini.

Dedahan kredit langsung kepada IKBB dan langganan sekuriti hutang terbitan IKBB oleh bank, penanggung insurans (termasuk pengendali takaful) dan IKP,[29] masing-masing meningkat sebanyak 5.2% dan 5.4%. Dedahan ini kekal rendah, mencakupi 3.5% daripada jumlah pembiayaan dan 7.7% daripada jumlah sekuriti hutang yang dipegang oleh institusi kewangan. IKBB terus memegang

Rajah 23: Kesalinghubungan IKBB dengan Sistem Kewangan

Magnitud kesalinghubungan IKBB dengan sistem kewangan lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh penyertaan IKBB dalam pasaran kewangan



a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan penyata kewangan yang diterbitkan

[29] IKP yang dikawal selia oleh Bank di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP 2002).

lebih separuh daripada aset kewangan isi rumah, terutamanya dalam bentuk simpanan jangka panjang dalam dana kumpulan wang simpanan dan pencen. Pengeluaran simpanan tersebut adalah tertakluk pada syarat-syarat yang ketat bagi memastikan isi rumah mempunyai penampan yang mencukupi semasa persaraan. Justeru, hal ini akan mengurangkan risiko mudah tunai yang dihadapi oleh IKBB. Namun begitu, beberapa IKBB masih lagi terdedah kepada risiko pengeluaran yang secara relatifnya lebih tinggi berikutan liabiliti yang menyerupai deposit permintaan. Secara amnya, IKBB ini terus memegang aset mudah tunai yang mencukupi dalam bentuk wang tunai, penempatan deposit serta pemegangan sekuriti kerajaan dan sekuriti yang dijamin kerajaan untuk memenuhi keperluan mudah tunai, termasuk untuk memenuhi pengeluaran dalam jumlah yang besar secara berterusan.

Harapan orang ramai yang semakin meningkat supaya IKBB mengamalkan tadbir urus yang baik dan pengurusan risiko yang kukuh merupakan suatu perkembangan positif bagi sektor ini. Usaha-usaha baharu IKBB untuk meningkatkan ketelusan dan memperkukuh keupayaan pengurusan risiko jelas dapat dilihat dan akan menyumbang kepada kemapanan IKBB untuk jangka masa yang panjang. Semua perkembangan ini akan dapat mengurangkan risiko penularan kepada sistem kewangan.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

DAYA TAHAN DAN PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

Tahap Permodalan dan Keuntungan Bank Kekal Kukuh

Bank-bank mengekalkan tahap permodalan yang kukuh sepanjang separuh pertama tahun 2019 (Rajah 24). Pada tempoh ini, penebusan instrumen modal Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 yang sedang dilupuskan daripada kelayakan modal pengawalseliaan di bawah pengaturan peralihan Basel III telah mengakibatkan nisbah modal menjadi rendah sedikit. Namun demikian, 77% daripada modal bank terus dipegang dalam bentuk modal penampan kerugian berkualiti tinggi yang terdiri daripada modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Tahap keuntungan sistem perbankan kekal kukuh (Rajah 25), disokong oleh aktiviti pembiayaan yang terus mencakupi sebahagian besar daripada pendapatan kasar bank. Keuntungan sebelum cukai yang mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.2% (ST1 2019: RM20.4 bilion; ST1 2018: RM19.4 bilion) turut disokong oleh pendapatan dividen daripada syarikat subsidiari dan peruntukan kerugian pinjaman yang lebih rendah memandangkan bank terus menambah baik anggaran risiko kredit mereka di bawah MFRS 9. Meskipun terdapat penurunan dalam margin faedah berikutan pengurangan 25 mata asas OPR pada bulan Mei, penambahbaikan yang berterusan dalam kecekapan kos sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah membantu bank menjana keuntungan yang secara relatif stabil (lihat Rencana bertajuk 'Keuntungan Bank-bank di Malaysia - Trend Masa Lalu dan Prospek Masa Hadapan' pada halaman 37).

Daya tahan modal dan keuntungan bank terus disokong oleh kualiti aset yang kukuh (Rajah 26). Keadaan ini terus didorong oleh keupayaan membayar balik hutang sektor isi rumah yang mampan. Walaupun pinjaman perniagaan terjejas meningkat sedikit berikutan keadaan yang lebih mencabar yang dihadapi oleh beberapa syarikat dalam sektor tertentu, bank terus mengekalkan penampan yang kukuh terhadap potensi kerugian pada masa hadapan. Di samping peruntukan kerugian pinjaman, rizab pengawalseliaan yang dipegang oleh bank terus mengurangkan impak daripada sebarang potensi kemerosotan kualiti aset (Rajah 27). Selain itu, kebanyakan bank kekal berdaya tahan terhadap kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk di bawah ujian tekanan berbilang tahun yang dijalankan oleh Bank,[30] dengan penampan modal dan pendapatan yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian (Rajah 28).

Risiko daripada operasi luar negeri DBG terhadap sistem perbankan Malaysia terus terkawal meskipun dalam keadaan ekonomi yang lebih lemah

Pada separuh pertama tahun 2019, pertumbuhan jumlah aset dalam operasi luar negeri DBG pada amnya adalah mampan (ST1 2019: 9%; 2018: 8%) (Rajah 29). Prestasi operasi luar negeri merosot sedikit, mencerminkan keadaan ekonomi serantau yang semakin lemah. Meskipun demikian, permodalan keseluruhan operasi luar negeri DBG kekal kukuh (Rajah 30), dengan perolehan terus disokong dengan baik oleh sumbangan daripada pendapatan faedah dan operasi yang bertambah cekap. DBG juga telah meningkatkan kewaspadaan terhadap segmen yang lebih mudah terjejas dalam portfolio pinjaman mereka, dengan tumpuan yang khusus terhadap sektor perkilangan, O&G, harta tanah dan pembinaan.

[30] Sila rujuk kotak maklumat dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018 yang bertajuk 'Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan' untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun.

Rajah 24: Sistem Perbankan – Nisbah Modal

Bank-bank mengekalkan tahap permodalan yang kukuh



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi tahap pengawalseliaan minimum termasuk keperluan penampan pengekalan modal tahun 2018 (1.875%) dan 2019 (2.5%) dan keperluan modal tambahan khusus buat bank yang lebih tinggi

Rajah 25: Sistem Perbankan – Keuntungan

Keuntungan perbankan kekal kukuh



Rajah 26: Sistem Perbankan – Kualiti Aset

Nisbah pinjaman terjejas meningkat sedikit



Rajah 27: Sistem Perbankan – Peruntukan Kerugian Pinjaman

Bank-bank terus mengekalkan penampan yang kukuh berbanding potensi kerugian



Rajah 28: Sistem Perbankan – Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 Selepas Kejutan

Nisbah modal selepas kejutan adalah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum



Rajah 29: Sistem Perbankan – Profil Aset untuk Operasi Luar Negeri Utama

Kebanyakan aset operasi luar negeri terus tertumpu di Singapura dan Indonesia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 30: Sistem Perbankan – Penunjuk Kewangan Utama Operasi Luar Negeri

Prestasi kewangan operasi luar negeri kekal kukuh



Nota: Merujuk median julat penunjuk kekukuhan kewangan utama operasi luar negeri terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank memantau perkembangan operasi luar negeri setiap DBG sebagai sebahagian daripada rangka kerja penyeliaan bersepadunya. Usaha ini disokong oleh interaksi yang kerap dengan pengawal selia negara tuan rumah melalui forum penyeliaan dan mesyuarat dua hala secara berkala. Interaksi sedemikian terus menyediakan platform penting bagi pertukaran maklumat dan pengenalpastian risiko yang bakal dihadapi (*emerging risks*) tepat pada masanya, serta penyelarasan tindak balas penyeliaan apabila perlu.

DAYA TAHAN DAN PRESTASI SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor Insurans dan Takaful Kekal Berdaya Tahan

Sektor insurans dan takaful mencatatkan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat pada 230% pada akhir Jun 2019 (Rajah 31). Tahap ini jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum dan lebih tinggi daripada paras modal sasaran dalaman penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operators*, ITO). Modal yang dipegang bagi risiko insurans dan takaful – yang terus membentuk komponen terbesar (43%) daripada jumlah modal yang diperlukan – pada amnya kekal tidak berubah. Hal ini mencerminkan kepelbagaian keseluruhan produk yang secara relatif stabil.

Rajah 31: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal terus melebihi tahap pengawalseliaan minimum iaitu pada 130%



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor insurans dan takaful mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi dalam keadaan prestasi pelaburan yang lebih baik

Keuntungan keseluruhan sektor insurans dan takaful pada separuh pertama tahun 2019 bertambah baik berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Prestasi yang lebih baik ini disokong sebahagian besarnya oleh segmen insurans hayat dan takaful keluarga (Rajah 32) berikutan keuntungan belum direalisasikan daripada pemegangan bon serta pertumbuhan premium bersih yang lebih tinggi.

Rajah 32: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih tinggi didorong oleh perolehan tidak direalisasi bersih



* Lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Premium perniagaan baharu dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga mencatatkan pertumbuhan yang jauh lebih kukuh (Rajah 33). Peningkatan ini adalah hasil daripada jualan polisi endowmen tanpa sertaan yang lebih baik melalui pengaturan bankasurans, serta sumbangan yang lebih tinggi daripada produk takaful perubatan dan kesihatan bagi segmen berpendapatan lebih rendah. Pelaksanaan rangka kerja Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard*, BSC), [31] yang memasuki tahun kedua pelaksanaannya, menyaksikan penambahbaikan yang boleh diukur bagi kualiti khidmat nasihat yang diberikan oleh ejen. Hal ini ditunjukkan oleh pertambahan bilangan ejen yang dapat memenuhi kadar ketegaran (*persistency*) sebanyak 90% pada tahun pertama dan 80% pada tahun kedua. Perkembangan ini dijangka terus menyokong pertumbuhan premium yang berterusan pada masa hadapan.

Meskipun pembaharuan polisi berterusan, pertumbuhan premium baharu untuk polisi berkaitan pelaburan sebaliknya tidak berubah. Hal ini berlaku berikutan keadaan pasaran ekuiti yang bertambah lemah dan pempelbagaian beberapa jenis produk lain oleh beberapa ITO. Sebagai respons kepada penyemakan keperluan pengawalseliaan bagi produk berkaitan pelaburan, yang meliputi Kadar Peruntukan Minimum (Minimum Allocation Rate, MAR)[32] berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019, ITO sedang dalam proses melakukan perubahan terhadap reka bentuk produk dan strategi perniagaan mereka. Meskipun perkembangan tersebut memberikan nilai yang lebih baik kepada pemegang polisi, pelarasan itu berpotensi menjejaskan pertumbuhan perniagaan baharu dan keuntungan produk berkaitan pelaburan dalam jangka masa terdekat.

Rajah 33: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk

Perniagaan baharu mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keuntungan operasi sektor insurans dan takaful am turut meningkat hasil daripada prestasi pelaburan yang lebih baik (Rajah 34). Walau bagaimanapun, keuntungan pengunderaitan merosot dan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh beberapa tuntutan besar ekoran insiden kebakaran dan letupan. Dalam segmen motor, prestasi pengunderaitan terus menerima tekanan dalam keadaan persaingan yang bertambah sengit dan kos tuntutan yang semakin meningkat. Namun, fleksibiliti yang lebih baik terhadap penetapan kadar premium di bawah liberalisasi Tarif Motor[33] secara berperingkat telah mengekalkan pencapaian operasi keseluruhan yang positif. Daripada 8.2 juta polisi kereta persendirian

Rajah 34: Sektor Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi

Keuntungan operasi meningkat sedikit disokong oleh prestasi pelaburan yang lebih baik



Sumber: Bank Negara Malaysia

[31] Rangka kerja BSC bertujuan menyelaraskan insentif jualan dengan jualan dan perkhidmatan polisi yang lebih berkualiti oleh pengantara insurans dan takaful.

[32] MAR menetapkan bahagian minimum tertentu daripada premium atau sumbangan takaful untuk polisi atau sijil takaful berkaitan pelaburan diperuntukkan kepada dana unit amanah. MAR sedang dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 1 Julai 2019 hingga 1 Julai 2020.

[33] Liberalisasi Tarif Motor untuk produk 'Komprehensif' dan 'Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian' bermula pada 1 Julai 2017 sebagai sebahagian daripada Fasa II pembaharuan penetapan harga secara keseluruhan. Bank Negara Malaysia kini sedang merumuskan cadangan bagi fasa liberalisasi seterusnya.

yang masih aktif pada akhir Jun 2019, sebanyak 43% polisi dikenakan kadar premium yang sama ada lebih rendah atau tidak berubah, manakala 57% polisi lagi dikenakan kadar premium yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kuantum perubahan kadar premium adalah kecil, dengan kebanyakan perubahan berada dalam lingkungan 10% daripada kadar tarif. Sejajar dengan penetapan kadar premium yang lebih setara dengan risiko, kenaikan kadar premium dicatatkan bagi kenderaan atau pemilik yang berisiko lebih tinggi, manakala bagi segmen perlindungan dan risiko tertentu yang sebelum ini dikenakan kadar premium yang terlalu tinggi di bawah tarif itu menyaksikan pengurangan harga yang ketara.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 2019, premium langsung kasar meningkat pada kadar yang lebih pantas (Rajah 35). Sebahagian besar daripada peningkatan ini berpunca daripada segmen motor, yang terus membentuk kumpulan jenis perniagaan terbesar dengan sumbangan kira-kira separuh daripada jumlah premium kasar. ITO am meraih manfaat daripada jualan kereta yang meningkat pada separuh pertama tahun 2019 dan juga penambahbaikan dalam kaedah penetapan premium bagi risiko. Peningkatan kadar premium juga disokong oleh segmen kebakaran serta pemulihan kecil dalam sektor O&G, yang menyaksikan premium yang lebih tinggi direkodkan dalam segmen berkaitan dengan minyak luar pesisir.

Sama seperti institusi perbankan, penanggung insurans terus berdaya tahan meskipun berada di bawah senario simulasi kejutan makroekonomi dan kewangan berbilang tahun yang buruk.[34] CAR agregat bagi sektor insurans hayat dan am kekal melebihi paras pengawalseliaan minimum sepanjang tempoh ujian tekanan (Rajah 36).

Rajah 35: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk

Premium langsung kasar berkembang pada kadar yang lebih tinggi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 36: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal Selepas Kejutan

CAR selepas ujian tekanan kekal melebihi paras pengawalseliaan minimum iaitu pada 130%



Sumber: Bank Negara Malaysia

[34] Sila rujuk kotak maklumat dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018 bertajuk 'Senario Ujian Tekanan Kesolvenan, Andaian Utama dan Parameter Kejutan' untuk maklumat lanjut mengenai ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun.

Keuntungan Bank-bank Malaysia – Trend Masa Lalu dan Prospek Masa Hadapan

Oleh Harikumara Sababathy dan Syairah Hanin Shaharuddin

Pengenalan

Keuntungan bank penting untuk kestabilan kewangan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan
Pada dasarnya, tahap keuntungan yang mampan dalam kalangan bank adalah penting untuk memastikan sistem kewangan kekal berdaya tahan dan dapat menyokong pengantaraan kredit yang berkesan dalam ekonomi. Keuntungan yang stabil menyokong pengumpulan penampan modal[1] yang membolehkan bank terus menyediakan perkhidmatan kewangan kepada pengguna walaupun dalam situasi tertekan, sekali gus bertindak mengurangkan kesan buruk dalam ekonomi benar. Usaha menarik modal baharu untuk menyokong aktiviti pemberian pinjaman bank juga akan menjadi lebih mudah apabila bank beroperasi dalam keadaan untung. Pemegang saham sedia ada dan pelabur baharu lebih cenderung untuk memberikan sokongan kewangan tambahan kepada bank yang mempunyai tahap keuntungan yang mampan memandangkan kepastian untuk memperoleh pulangan pelaburan adalah lebih tinggi. Sebaliknya, keuntungan yang rendah boleh mempengaruhi kesanggupan dan keupayaan bank untuk memberikan pinjaman, lantas mewujudkan kekangan terhadap ketersediaan pembiayaan kepada ekonomi. Tahap keuntungan bank yang mampan juga boleh mengurangkan ancaman kepada kestabilan kewangan. Bank-bank yang mencatat keuntungan rendah yang berterusan mungkin terdorong untuk mengambil risiko yang tidak wajar bagi meningkatkan keuntungan mereka. Contohnya, untuk menjana pulangan yang lebih tinggi, bank mungkin lebih bersedia membuat taruhan yang lebih besar daripada biasa terhadap dedahan tidak produktif yang lebih berisiko, yang boleh meningkatkan ketidakstabilan kewangan pada masa hadapan.

Memandangkan betapa pentingnya keuntungan sistem perbankan yang mampan kepada daya tahan sektor kewangan dan ekonomi yang lebih luas, rencana ini meneliti trend dan pemacu utama keuntungan bank di Malaysia. Rencana ini selanjutnya membahaskan bagaimana pertumbuhan ekonomi dan kredit yang sederhana, serta perubahan dalam persekitaran operasi, boleh mempengaruhi keuntungan bank pada masa hadapan.

Trend dan pemacu keuntungan bank

Keuntungan bank di Malaysia telah menunjukkan trend yang menurun dalam dekad semasa ini. Meskipun keuntungan sebelum cukai bagi sistem perbankan telah meningkat dengan mapan sejak beberapa tahun lalu, pulangan atas ekuiti (*return on equity*, ROE) dan pulangan atas aset (*return of assets*, ROA) bank telah menunjukkan trend di bawah purata dekad semasa sejak tahun 2014 (Rajah 1). Penilaian pasaran bagi bank-bank tersenarai awam, seperti yang dicerminkan oleh median nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*) dan median nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earnings*), juga menunjukkan trend menurun, sejajar dengan jangkaan pasaran terhadap keuntungan bank pada masa hadapan (Rajah 2). Kajian empirik[2] yang dijalankan terhadap penentu keuntungan bank di Malaysia bagi tempoh antara tahun 2010 hingga 2018 telah mengenal pasti corak kitaran dalam keadaan kredit dan ekonomi, serta perubahan struktur dalam industri perbankan domestik seperti peningkatan persaingan dan juga kecekapan kos, sebagai faktor yang mempunyai kesan yang penting dalam memacu keuntungan bank.

Corak kitaran dalam keadaan kredit dan ekonomi
Sebahagian besar (68.5%) pendapatan kasar bank di Malaysia disumbangkan oleh **pendapatan faedah** daripada aktiviti pemberian pinjaman, yang mencerminkan peranan utama yang dimainkan oleh bank dalam pembiayaan ekonomi (Rajah 3). Oleh itu, pendapatan dan keuntungan sistem perbankan lazimnya berubah seiring dengan corak kitaran dalam pengantaraan kewangan dan aktiviti ekonomi (Rajah 4). Dari tahun 2010 hingga 2014, keuntungan sebelum cukai bank meningkat dengan kukuh pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compounded annual*

---

[1] Perolehan tertahan, yang mencerminkan keuntungan bersih terkumpul secara berterusan setelah dividen dibayar kepada pemegang saham, merupakan salah satu komponen terbesar (49%) bagi modal bank. Perolehan tertahan merupakan salah satu elemen modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (*Common Equity Tier 1*, CET1) yang dianggap sebagai komponen paling berkualiti bagi modal bank di bawah keperluan modal Basel III dari segi keupayaan menyerap kerugian operasi yang berterusan (BCBS, 2010).

[2] Kajian tersebut mengenal pasti pertumbuhan kredit dan pemboleh ubah yang khusus mengikut bank, seperti kecekapan kos (diukur sebagai nisbah kos kepada pendapatan), kos pendanaan, tahap kepelbagaian pendapatan atau kekurangan kepelbagaiannya (diukur sebagai bahagian pendapatan bukan faedah kepada pendapatan kasar) dan pemodalan sebagai penentu penting bagi keuntungan bank di Malaysia sepanjang tempoh ini.

Rajah 1: Sistem Perbankan – Keuntungan

Pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset sebahagian besarnya berada di bawah purata dekad semasa sejak 2014



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai dalam Pasaran Saham Malaysia

Penilaian pasaran telah menurun selaras dengan jangkaan pasaran terhadap keuntungan bank masa depan



Note: Merujuk median nisbah semua bank yang tersenarai dalam Bursa Malaysia

Sumber: Bloomberg

Rajah 3: Sistem Perbankan - Pendapatan, Kos dan Untung sebelum Cukai

Sebahagian besar pendapatan kasar bank di Malaysia disumbangkan oleh pendapatan faedah daripada aktiviti pemberian pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4: Sistem Perbankan – Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun Aset, Pinjaman, Pendapatan bukan Faedah, Untung sebelum Cukai dan Keluaran Dalam Negeri Kasar pada Harga Semasa

Keuntungan bank lazimnya bergerak seiring dengan kitaran pengantaraan kewangan dan aktiviti ekonomi



Sumber: Bank Negara Malaysia

growth rate, CAGR) sebanyak 8.9%, apabila bank melalui tempoh pengembangan kunci kira-kira yang pesat, didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti pemberian pinjaman kepada isi rumah dan juga perniagaan. Pada paras tertingginya, kredit kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.2% pada tahun 2010. Keuntungan bank seterusnya disokong oleh penambahbaikan kualiti aset dalam tempoh ini apabila keadaan ekonomi yang stabil menyokong keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam lantas mengurangkan kerugian kredit kepada bank (Rajah 5).

Dalam tempoh berikutnya antara tahun 2014 hingga 2018, pengembangan kunci kira-kira bank menjadi perlahan dengan ketara, didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana dan keadaan kewangan yang semakin ketat. Dalam tempoh ini, ekonomi Malaysia turut dipengaruhi oleh gabungan faktor domestik dan luaran, yang menyaksikan peningkatan aliran keluar portfolio bukan pemastautin, harga minyak yang lebih lemah, ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dan trajektori pertumbuhan global yang lebih rendah. Seiring dengan perkembangan ini, pertumbuhan dalam kredit dan pendapatan bank menjadi perlahan apabila permintaan untuk pembiayaan dan perkhidmatan perbankan yang lain oleh sektor perniagaan berkurang sejajar dengan kadar aktiviti ekonomi yang lebih sederhana. Pelarasan yang dibuat oleh bank terhadap garis panduan pembiayaan yang bertanggungjawab, yang diperkenalkan pada tahun 2012, turut menyumbang kepada pertumbuhan kredit isi rumah yang sederhana. Keuntungan bank juga dipengaruhi oleh pinjaman terjejas yang lebih tinggi oleh isi rumah yang mengalami kesempitan kewangan dan sektor perniagaan yang paling terjejas akibat kelembapan ekonomi dan keadaan kewangan yang lebih ketat, seperti sektor minyak dan gas, pembinaan dan perkilangan. Walau bagaimanapun, keuntungan bank yang menurun dalam tempoh ini bukanlah keadaan unik yang dialami di Malaysia sahaja. Trend yang sama diperhatikan dalam sistem perbankan setara[3] apabila perkembangan ekonomi dan kewangan global memberikan kesan kepada aktiviti dan keuntungan perbankan global (Rajah 6).

Rajah 5: Sistem Perbankan – Stok Pinjaman Terjejas Kasar dan Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar

Keuntungan bank disokong oleh penambahbaikan kualiti aset dalam keadaan ekonomi yang stabil antara tahun 2010 hingga 2014



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6: Perbandingan Keuntungan Sistem Perbankan Mengikut Negara

Penurunan keuntungan bank di Malaysia adalah selaras dengan sistem perbankan setara



Sumber: Bank Negara Malaysia, International Monetary Fund dan laman sesawang bank pusat

[3] Merujuk negara serantau setara meliputi Australia, China, Hong Kong SAR, India, Indonesia, Jepun, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Thailand dan Vietnam, dan sistem perbankan bertaraf setara berdasarkan metodologi "Standard & Poor's Banking Industry Country Risk Assessment" (S&P BICRA). Di bawah penilaian ini, Malaysia berada dalam Kumpulan 4 bersama-sama Estonia, Iceland, Israel, Mexico, New Zealand, Arab Saudi dan Sepanyol.

Yang nyata, pemacu kewangan (seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan aset dan pinjaman bank) mempunyai kesan yang lebih besar terhadap keuntungan bank antara dua tempoh tersebut, berbanding dengan pemacu ekonomi (seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan KDNK nominal). Keadaan ini menunjukkan kitaran kredit adalah lebih penting kepada keuntungan bank berbanding dengan kitaran ekonomi, dan kesimpulan ini selaras dengan hasil kajian terkini tentang penentu keuntungan bank dalam pasaran sedang pesat membangun.[4] Lantaran itu, tempoh pengembangan kredit yang pesat boleh meningkatkan lagi kesan terhadap keuntungan dan daya tahan bank apabila keadaan ekonomi menjadi lebih teruk. Oleh yang demikian, piawaian kehematan dan dasar kitaran berbalas (*countercyclical policies*) memainkan peranan yang penting dalam mencegah peningkatan risiko sistemik dengan memperlahankan kitaran kewangan.

Keadaan kredit dan ekonomi yang lebih luas juga dilihat mempunyai pengaruh yang penting terhadap **pendapatan bukan faedah bank**. Meskipun pendapatan ini merangkumi sebahagian besar daripada jumlah pendapatan (31.5% pada tahun 2018), hampir separuh daripada pendapatan bukan faedah bank yang merangkumi fi dan komisen dikaitkan terutamanya dengan aktiviti berkaitan pengeluaran kredit (Rajah 7). Ini merupakan perkara biasa, memandangkan bank lebih cenderung untuk memperoleh hasil berasaskan fi daripada penyediaan perkhidmatan sampingan yang menyokong aktiviti berkaitan dengan pembiayaan mereka, seperti fi jaminan dan komitmen. Oleh itu, sumbangan pendapatan berasaskan fi kepada keuntungan bank mempunyai hubung kait yang tinggi dengan trend dalam aktiviti pembiayaan dan pendapatan faedah bank.

Pendapatan perdagangan dan pelaburan, iaitu komponen terbesar seterusnya daripada pendapatan bukan faedah bank, telah menunjukkan arah aliran yang lebih tidak menentu. Keadaan ini mencerminkan turun naik dalam harga ekuiti, kadar hasil dan kadar pertukaran, terutamanya dalam tempoh aliran pelaburan portfolio yang lebih tinggi (Rajah 8). Walau bagaimanapun, kesan buruk pergerakan pasaran kebanyakannya adalah terhad berikutan amalan pengambilan risiko yang berhemat oleh bank dan dedahan risiko pasaran yang rendah, seperti yang dinyatakan dalam Bahagian Risiko Pasaran (lihat halaman 24 hingga 25). Sehubungan dengan itu, sumbangan daripada aktiviti perdagangan dan pelaburan kepada hasil bank kekal positif sepanjang dekad ini, termasuk semasa tempoh tekanan pasaran kewangan yang tinggi yang dialami oleh bank antara tahun 2014 hingga 2015.

Rajah 7: Sistem Perbankan - Pendapatan Bukan Faedah

Walaupun kadar sumbangan pendapatan bukan faedah kepada jumlah pendapatan adalah ketara, ia tidak berubah sejak 2010



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 8: Sistem Perbankan - Pendapatan daripada Perdagangan dan Pelaburan

Pendapatan daripada perdagangan dan pelaburan secara lazimnya tidak menentu terutamanya semasa tempoh aliran pelaburan portfolio yang meningkat



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

[4] Untuk melihat contohnya, rujuk Kohlscheen, Murcia dan Contreras, 2018.

Sejajar dengan pengembangan merentasi pasaran serantau Asia sepanjang dekad yang lalu, operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) menjadi sumber pendapatan yang semakin penting dengan sumbangan yang lebih tinggi kepada perolehan kumpulan (Rajah 9). Namun, meskipun operasi luar negeri menawarkan potensi manfaat kepelbagaian, ia mempunyai kesan yang terhad dalam mengurangkan ketidaktentuan keuntungan DBG. Keadaan ini disebabkan oleh kesalinghubungan kewangan dan ekonomi yang kukuh dalam rantau dan tumpuan operasi luar negeri terhadap aktiviti pemberian pinjaman tradisional.

Tekanan persaingan meningkat pada kedua-dua bahagian dalam kunci kira-kira bank

Trend keuntungan bank yang menurun turut mencerminkan peningkatan persaingan dalam kalangan bank sejak beberapa tahun ini pada kedua-dua bahagian kunci kira-kira mereka. Dari segi pendanaan, peningkatan bahagian deposit tetap yang lebih stabil dan berjangka lebih panjang pada tempoh kebelakangan ini telah menyebabkan persaingan yang lebih sengit untuk mendapatkan pendanaan yang stabil apabila bank bersiap sedia untuk mematuhi peraturan mudah tunai baharu[5] di bawah Basel III (Rajah 10). Keadaan ini telah meningkatkan kos keseluruhan pendanaan (Rajah 11). Persaingan yang sengit untuk mendapatkan dana seterusnya mengekang keupayaan bank untuk memindahkan pelarasan menurun dalam Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kepada kadar deposit. Dari segi aset, keupayaan bank untuk memindahkan kos pendanaan yang lebih tinggi kepada pelanggan juga menghadapi kekangan akibat persaingan harga yang sengit dalam segmen runcit, terutamanya pinjaman perumahan (yang mencakupi 32% daripada pinjaman sistem perbankan), apabila bank terus bersaing untuk mengekalkan bahagian pasaran. Seiring dengan itu, kadar pemberian pinjaman bank menjadi lebih perlahan untuk diselaraskan dengan perubahan kos pendanaan keseluruhan, lantas menghasilkan margin yang lebih kecil. Dalam persekitaran ini, bank meningkatkan usaha untuk memanfaatkan kedudukan pasaran mereka dengan lebih berkesan bagi menjana hasil tambahan melalui jualan silang bersasaran kepada pelanggan yang sedia ada, dan perkongsian strategik untuk memperluas dan memperdalam aktiviti pemberian pinjaman komersial mereka.

Rajah 9: Kumpulan Perbankan Domestik – Sumbangan Operasi Luar Negeri kepada Kumpulan

Operasi luar negeri merupakan sumber pendapatan yang penting untuk kumpulan perbankan domestik



Nota: Merujuk median nisbah kumpulan perbankan domestik

Sumber: Bank Negara Malaysia dan penyata kewangan bank

Rajah 10: Sistem Perbankan – Deposit Tetap

Bank-bank telah beralih kepada deposit tetap yang lebih stabil dan berjangka lebih panjang pada tahun-tahun kebelakangan ini untuk mematuhi peraturan mudah tunai baharu



Nota: Deposit tetap termasuklah yang deposit tetap berasaskan prinsip syariah yang diterima oleh bank-bank Islam. Komposisi deposit tetap mengikut kematangan asal merujuk kepada bank perdagangan sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] Merujuk keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*, LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (*Net Stable Funding Ratio*, NSFR) Basel III yang mengukuhkan daya tahan sistem perbankan terhadap kejutan mudah tunai dan pendanaan.

Rajah 11: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan Kadar Pembiayaan Perumahan Baharu Purata

Persaingan sengit telah menghalang keupayaan bank untuk mengurangkan kadar deposit sejajar dengan penurunan Kadar Dasar Semalaman



Nota: Kos deposit purata dan kos dana purata merujuk median bank utama di Malaysia. Kadar pembiayaan perumahan baharu purata merujuk purata wajaran kadar pembiayaan perumahan baharu yang diluluskan oleh bank perdagangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Meningkatkan kecekapan kos

Kecekapan kos institusi perbankan Malaysia, yang diukur melalui nisbah jumlah kos kepada pendapatan, telah meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini dan berada pada tahap yang baik berbanding dengan sistem perbankan setara (Rajah 12). Peningkatan ini mencerminkan tumpuan bank yang jitu terhadap pengoptimuman kos, terutamanya sepanjang beberapa tahun yang lepas dalam keadaan margin faedah yang semakin menyusut.[6] Yang nyata, bank giat melaksanakan inisiatif untuk merasionalkan bilangan kakitangan bagi fungsi perniagaan terpilih, meningkatkan automasi dan pelaburan dalam sistem dan infrastruktur teknologi maklumat (IT) bagi meningkatkan kecekapan operasi, dan mengoptimumkan rangkaian cawangan. Peningkatan dalam kecekapan kos ini telah memperkukuh keuntungan bank dalam persekitaran yang menyaksikan bank mengalami penyusutan margin. Meskipun margin faedah berkurang sebanyak 53 mata asas antara tahun 2010 hingga 2018, margin faedah setelah ditolak jumlah kos operasi dan kredit bank sebaliknya telah meningkat (Rajah 13).

Faktor yang mempengaruhi keuntungan bank pada masa hadapan

Pertumbuhan ekonomi dan kredit sederhana berikutan wujudnya ketidakpastian luaran

Melangkah ke hadapan, keadaan ekonomi dan pasaran yang bertambah lembap berikutan ketidakpastian dalam persekitaran luaran akan terus memberikan kesan kepada permintaan untuk pembiayaan bank dan perkhidmatan berkaitan pembiayaan, yang boleh menjejaskan keuntungan bank. Jejas nilai yang lebih tinggi daripada segmen isi rumah dan sektor perniagaan yang terus berhadapan dengan keadaan yang mencabar boleh menjejaskan lagi keuntungan. Walau bagaimanapun, kesan yang mungkin timbul daripada kualiti aset yang semakin lemah mungkin kecil, memandangkan bank sudah pun menerapkan pendekatan berpandangan lebih ke hadapan semasa menyediakan peruntukan. Hal ini berlaku berikutan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (Malaysian Financial Reporting Standards 9: Financial

[6] Perbezaan antara kadar faedah yang digunakan apabila bank memberikan pembiayaan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank untuk pendanaan, termasuk deposit.

Rajah 12: Perbandingan Kecekapan Kos Sistem Perbankan Mengikut Negara

Kecekapan kos bank di Malaysia lebih baik berbanding sistem perbankan setara



Nota: Berdasarkan data pada akhir 2018. Sistem perbankan bertaraf setara dipilih berdasarkan kaedah S&P BICRA

Sumber: Bank Negara Malaysia dan International Monetary Fund

Rajah 13: Sistem Perbankan – Margin Faedah

Tumpuan yang kukuh terhadap inisiatif pengoptimuman kos membolehkan bank menangani penyusutan margin faedah



Nota: Jumlah kos merujuk peruntukan pinjaman terjejas dan kos operasi

Sumber: Bank Negara Malaysia

Instruments, MFRS 9) pada tahun 2018. Selain itu, seperti yang dijelaskan dalam Bahagian Daya Tahan dan Prestasi Sektor Perbankan (lihat muka surat 31 hingga 32), bank terus mengekalkan penampan yang lebih daripada mencukupi untuk menghadapi potensi kerugian kredit. Keadaan ini akan meletakkan bank dalam kedudukan yang lebih baik untuk menyokong pertumbuhan pembiayaan yang berterusan yang merupakan pemacu utama keuntungan bank.

Cabaran model perniagaan yang timbul daripada inovasi teknologi dalam perkhidmatan kewangan

Keuntungan bank juga akan dipengaruhi oleh gangguan kepada model perniagaan sedia ada yang didorong oleh inovasi teknologi yang berterusan dalam perkhidmatan kewangan, kecenderungan pelanggan yang sentiasa berubah dan perkembangan dalam perbankan terbuka.[7] Pada peringkat global, trend ini menyumbang kepada pemisahan perkhidmatan yang secara tradisinya dijalankan oleh bank seperti pengambilan deposit dan pemberian kredit, sekali gus berkemungkinan memindahkan sumber utama keuntungan bank kepada pesaing yang lebih pelbagai termasuk syarikat-syarikat Fintech,[8] Bigtech[9] dan bank digital. Satu kajian yang dijalankan oleh PwC pada tahun 2018 yang mencakupi peserta industri kewangan daripada 71 negara menganggarkan 24% daripada hasil bank sedia ada berhadapan dengan risiko disebabkan oleh kemasukan peserta baharu dalam industri kewangan. Anggaran lain telah meletakkan sehingga 20% daripada perniagaan perbankan berkemungkinan besar mengalami penyahantaraan akibat perbankan terbuka.[10] Keuntungan yang menguncup berkemungkinan besar dapat dilihat dengan jelas merentas segmen perniagaan bukan berintensifkan modal

[7] Perbankan terbuka pada amnya merujuk perkongsian data dalam ekosistem pengguna, institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga seperti syarikat-syarikat Fintech. Perkongsian ini membolehkan penyedia perkhidmatan pihak ketiga membina aplikasi mereka sendiri dan menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan institusi kewangan.

[8] Merujuk inovasi yang digerakkan oleh teknologi dalam penyediaan perkhidmatan kewangan. Syarikat-syarikat Fintech merujuk syarikat yang menggunakan teknologi kewangan dan menjalankan operasi terutamanya dalam industri perkhidmatan kewangan.

[9] Merujuk syarikat teknologi utama yang perniagaan terasnya bukan dalam perkhidmatan kewangan. Syarikat-syarikat Bigtech lazimnya menawarkan perkhidmatan kewangan sebagai sebahagian daripada himpunan aktiviti yang jauh lebih luas (BIS, 2019).

[10] Kajian oleh Swinton dan Roma (2018) yang meliputi pasaran UK.

seperti perkhidmatan pembayaran dan penyelesaian dan perbankan runcit. Segmen perniagaan ini mempunyai peserta baharu yang lebih tangkas dan berupaya memanfaatkan teknologi peneraju (*frontier technologies*) untuk meraih kelebihan bersaing dan kecekapan kos yang unggul. Kesan terhadap keuntungan bank juga boleh timbul akibat strategi penentuan harga yang kompetitif oleh bank untuk mengekalkan bahagian pasaran mereka, sehingga mengurangkan hasil dan margin faedah. Selain itu, pengambilan risiko yang lebih ketara untuk mengekalkan keuntungan boleh menjejaskan lagi keuntungan masa hadapan.

Bank-bank terus berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan perkembangan ini

Meskipun potensi cabaran yang ditimbulkan oleh ketidakpastian ekonomi dan tekanan persaingan yang meningkat, beberapa faktor dijangka menyokong keupayaan bank untuk mengambil peluang daripada trend semasa dan trend akan datang, selain mengekalkan keuntungan yang kukuh pada masa hadapan.

Keyakinan orang ramai terhadap bank kekal tinggi,[11] justeru memberikan kelebihan utama kepada bank berbanding dengan peserta baharu. Bank-bank di Malaysia telah memperlihatkan daya tahan dalam tempoh ketidakpastian yang nyata pada masa lalu dan terus mengukuhkan lagi sokongan yang menunjangi daya tahan ini, terutamanya dengan mengekalkan penampan kewangan yang utuh dan pengambilan risiko secara berhemat. Bank-bank di Malaysia terus mengekalkan keuntungan yang kukuh, dengan bank tersenarai awam yang utama dijangka mengekalkan tahap keuntungan melebihi kos modal purata[12] seperti yang ditunjukkan oleh anggaran konsensus pasaran ROE bagi tiga tahun akan datang (Rajah 14). Daya tahan bank terus diperkukuh oleh pendekatan Bank Negara Malaysia selama ini terhadap penyeliaan yang berpandangan ke hadapan dan tertumpu pada risiko.

Rajah 14: Sistem Perbankan – Anggaran Pulangan atas Ekuiti Bank yang Tersenarai dalam Bursa Malaysia

Bank utama yang tersenarai dijangka mengekalkan tahap keuntungan yang melebihi kos modal purata



a Anggaran

Nota: Mulai 2019 anggaran pulangan atas ekuiti merujuk median anggaran konsensus untuk semua bank yang tersenarai dalam Bursa Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

[11] Hasil kajian terkini yang diterbitkan dalam laporan Financial Services Reputation Index 2019 bagi Malaysia oleh MHP Communications menunjukkan 88% daripada responden berpandangan positif terhadap institusi perbankan. Kebanyakan responden kajian menganggap kebolehpercayaan terhadap sektor perbankan dalam dekad yang lalu disebabkan oleh peningkatan pengawalseliaan dan persaingan.

[12] Kos modal purata bagi bank di Malaysia merujuk purata pulangan saham tahunan yang dijangka bagi semua bank tersenarai, yang dianggarkan menggunakan Model Penentuan Harga Aset Modal bagi tempoh antara tahun 2014 hingga 2018. Kadar hasil bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia bertempoh 10 tahun digunakan sebagai kadar bebas risiko, manakala pulangan atas FBM KLCI digunakan untuk memperoleh premium risiko pasaran. Anggaran kos purata modal sebanyak 9% bagi bank-bank Malaysia pada umumnya adalah sejajar dengan anggaran global bagi kos modal purata bank (ECB, 2015).

Bank-bank juga mempercepat penerapan digital mereka serta meningkatkan pelaburan dalam infrastruktur dan modal insan untuk menyelaraskan proses dalaman dan model perniagaan yang sedia ada dengan strategi digital. Bagi kebanyakan bank di Malaysia, usaha sedemikian sudah pun dimulakan apabila bank mengintegrasikan teknologi seperti analisis lanjutan (*advanced analytics*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) dan API (*application programming interfaces*) terbuka untuk meningkatkan kecekapan operasi, menambah baik kualiti perkhidmatan dan memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu. Bagi menyokong strategi transformasi digital, bank membuat pelaburan dalam peningkatan kemahiran tenaga kerja mereka secara digital. Walaupun komitmen kepada strategi penerapan digital akan melibatkan pelaburan yang besar dalam jangka terdekat, usaha sedemikian dijangka mendatangkan keuntungan dalam jangka panjang dengan mempertingkatkan daya saing bank.

Selain itu, perkongsian antara bank dengan syarikat Fintech mencapai kemajuan yang lebih memberangsangkan, seperti yang dapat dilihat melalui inisiatif rintis dalam Sandbox Pengawalseliaan Teknologi Kewangan Bank. Setakat ini, tujuh bank telah diluluskan atau sedang dikaji dalam Sandbox untuk menguji penyelesaian inovatif bersama syarikat Fintech. Kerjasama sedemikian menawarkan kelebihan yang besar melalui gabungan akses kepada modal dan pendanaan, asas pelanggan yang luas dan kepakaran perbankan (termasuk undang-undang, pematuhan dan pengurusan risiko) yang disediakan oleh bank, dengan idea inovatif dan pengetahuan mendalam tentang teknologi terkini yang disediakan oleh peserta baharu dan syarikat permulaan. Kerjasama ini telah menghasilkan aplikasi dan penyelesaian kewangan seperti proses Kenali Pelanggan Anda menerusi platform digital (*electronic Know-Your-Customer*, eKYC), model skor kredit alternatif, khidmat nasihat digital (*robo-advisory*) dan penyelesaian pembiayaan perdagangan menggunakan teknologi *blockchain*.

Kesimpulan

Keuntungan bank yang mampan merupakan tunjang utama bagi sistem kewangan yang berdaya tahan dan sangat penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada masa lalu, keuntungan bank di Malaysia sebahagian besarnya telah disokong oleh keadaan makroekonomi yang stabil dan mampan, amalan pengurusan risiko kredit yang berhemat, serta peningkatan yang berterusan dalam kecekapan kos. Meskipun kadar pertumbuhan kebelakangan ini sederhana, tahap keuntungan semasa bank kekal berdaya tahan walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi yang lebih mencabar. Penampan modal dan mudah tunai yang kukuh terus menyokong aktiviti pembiayaan yang berterusan oleh bank, sekali gus mengekalkan keuntungan bank. Memandang ke hadapan, bank dijangka terus berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan dan mempertingkatkan kelebihan bersaing mereka, disokong oleh tahap keyakinan orang ramai yang tinggi terhadap sistem perbankan dan usaha berterusan untuk menggunakan teknologi baharu.

Rujukan

Basel Committee on Banking Supervision (2010). 'Basel III: A Global Regulatory Framework for More Resilient Banks and Banking Systems'. Bank for International Settlements. Boleh didapati di https://www.bis.org/publ/bcbs189.htm.

Bank for International Settlements (2019). 'Big Tech in Finance: Opportunities and Risks'. BIS Annual Economic Report 2019, halaman 55-79. Boleh didapati di https://www.bis.org/about/areport/areport2019.htm.

Brackert, T., Dab, S. and Alexander Kok, S. (2019). 'Retail Banks Must Embrace Open Banking or Be Sidelined'. [online] BCG. Boleh didapati di: https://www.bcg.com/publications/2018/retail-banks-must-embrace-open-banking-sidelined.aspx.

European Central Bank (May 2015). Financial Stability Review. ECB, halaman 61-63. Boleh didapati di https://www.ecb.europa.eu/pub/financial-stability/fsr/html/index.en.html.

European Banking Authority (2018). 'The Impact of Fintech on Incumbent Credit Institutions Business Models'. European Banking Authority.

Kohlscheen, E., Murcia, A. and Contreras, J. (2018). 'Determinants of Bank Profitability in Emerging Markets'. BIS Working Papers, (No. 686).

PricewaterhouseCoopers (2018). Global FinTech Report 2017.

Swinton, S. and Roma, E. (2019). 'Coping with the Challenge of Open Banking'. [online] Bain & Company. Boleh didapati di https://www.bain.com/insights/coping-with-the-challenge-of-open-banking/.

Mempertingkatkan Keselamatan Siber Sektor Kewangan dalam Ekonomi Digital

Oleh Cambell Benjamine dan Sivanathan Subramaniam

Dalam persekitaran ekonomi yang semakin bersifat digital, satu syarat yang diperlukan untuk kestabilan kewangan ialah rangka kerja keselamatan siber yang kondusif dan efektif serta amalan berkesan yang bukan sahaja inovatif malah berdaya tahan dari segi teknologi untuk menghadapi ancaman siber. Walaupun kemajuan teknologi telah mewujudkan hubung kait yang lebih kukuh antara individu dengan organisasi, dengan manfaat yang besar kepada pengguna dan juga pengguna perkhidmatan kewangan yang lain, teknologi yang diolah bagi menimbulkan gangguan tertentu (*disruptive technology*) juga berpotensi untuk meningkatkan dedahan kepada serangan siber. Ringkasnya, teknologi sedemikian boleh mengakibatkan kerugian kewangan dan gangguan terhadap perkhidmatan kewangan yang penting.

Industri perkhidmatan kewangan domestik secara purata mengalami cubaan serangan siber sebanyak satu juta sehari. Namun sehingga kini, kebanyakan daripada cubaan serangan siber tersebut telah berjaya disekat tanpa sebarang impak atau kerugian kewangan yang besar. Walau bagaimanapun, institusi kewangan terus menerima ancaman siber yang semakin canggih, dan ada kalanya pencerobohan tidak dapat dikesan selama berbulan-bulan malah ada yang sampai bertahun-tahun. Menyedari akan keperluan untuk sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi ancaman siber yang semakin canggih, institusi kewangan terus memperuntukkan jumlah pelaburan yang besar dalam teknologi keselamatan terkini dan tenaga pakar keselamatan siber terbaik untuk meningkatkan daya tahan mereka terhadap risiko siber. Pada bulan Julai 2019, Bank mengeluarkan panduan keperluan pengawalseliaan yang khusus kepada institusi kewangan dalam pengurusan risiko dalam teknologi, termasuk risiko siber.

Walau bagaimanapun, usaha untuk melindungi atau memagari (*ring-fencing*) setiap institusi kewangan semata-mata adalah tidak mencukupi. Risiko siber yang baharu kini mulai mengancam pinggiran ekosistem kewangan yang pesat berkembang seiring dengan peningkatan penerapan teknologi digital yang lebih luas. Malah, kelemahan baharu boleh muncul berpunca daripada sistem di luar skop atau bidang kawalan institusi kewangan. Sistem ini mungkin meliputi telekomunikasi, utiliti dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Contohnya, gangguan telekomunikasi yang berlaku pada bulan Julai 2019 telah menjejaskan perkhidmatan digital empat buah bank yang besar di Australia.[1] Dalam kes yang lain, serangan siber dalam bentuk yang lebih canggih terhadap Metro Bank di United Kingdom telah berjaya memintas[2] kod yang dihantar oleh syarikat telekomunikasi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (Short Message Service, SMS).

Penyerang siber juga semakin cenderung menjuruskan modus operandi mereka kepada pengguna runcit yang lazimnya dianggap sebagai kelompok paling lemah dalam keselamatan siber. Dalam kebanyakan kes, kelemahan dalam setiap titik sentuhan digital telah dieksploitasi untuk mendapatkan maklumat perbankan pelanggan yang sahih secara dalam talian bagi memudahkan pindahan dana tanpa kebenaran, atau sebaliknya, menjejaskan integriti data pelanggan. Peluasan skop dan peningkatan kecanggihan serangan sedemikian memerlukan tindak balas peringkat kebangsaan bagi memperlengkap usaha-usaha institusi kewangan dan pengawal selia kewangan mengukuhkan daya tahan siber. Langkah ini seharusnya mempunyai matlamat untuk menghasilkan strategi kebangsaan bagi keselamatan siber yang padu, koheren dan komprehensif.

Keperluan bagi tindak balas terselaras telah pun dikenal pasti sejak beberapa tahun yang lalu. Pada tahun 2006, Dasar Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Policy, NCSP) telah dibentuk. Dasar ini mengenal pasti sepuluh sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure, CNII), termasuk perkhidmatan kewangan yang perlu dilindungi hingga suatu tahap yang setara dengan risiko. Berikutan itu, Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan, NCCMP) dirumuskan pada tahun 2011. Pelan ini menggariskan proses dan prosedur yang perlu dipatuhi

---

[1] Mesin teler automatik (ATM) dan beberapa perkhidmatan cawangan terjejas akibat gangguan telekomunikasi. https://www.theguardian.com/business/2019/jul/11/telstra-outage-brings-down-eftpos-and-atms-across-australia.

[2] Penggodam telah mengeksploitasi kepincangan dalam SS7, iaitu protokol yang digunakan oleh penyedia khidmat telekomunikasi untuk menyelaraskan cara mereka menghantar panggilan dan SMS di seluruh dunia. https://www.telegraph.co.uk/technology/2019/02/01/metro-bank-hit-cyber-attack-used-empty-customer-accounts/.

Gambar Rajah 1: Enam Bahagian Penting bagi Penyelarasan Keselamatan Siber Peringkat Kebangsaan

Koordinasi keselamatan siber peringkat kebangsaan penting untuk mengurus keselamatan siber secara padu, koheren dan komprehensif



Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh sektor-sektor CNII untuk pengesanan, tindak balas, komunikasi dan penyelarasan sekiranya tercetus sesuatu serangan siber. NCSP yang telah dikemaskinikan dijangka dilancarkan pada penghujung tahun 2019, menggabungkan antara lain, tindak balas insiden keselamatan siber dengan keupayaan forensik digital yang yang lebih tinggi.

Berlandaskan asas-asas penting ini, fokus inisiatif yang sedia ada dan masa akan datang adalah untuk mengukuhkan keupayaan keselamatan siber di negara ini. Oleh itu, fokus tersebut perlu mengambil kira beberapa faktor penting. Pertama, keperluan untuk mewujudkan dan memperkukuh panduan sedia ada mengenai keselamatan siber dan pengurusan risiko. Keperluan ini juga hendaklah menetapkan sasaran untuk penggalakan ketekalan yang lebih baik dalam panduan tersebut bagi mengurangkan kelemahan pada bahagian yang paling lemah dalam ekosistem digital. Dalam sektor kewangan, Bank telah menerbitkan dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang menggariskan kehendak Bank terhadap bank, penanggung insurans, penyedia wang elektronik dan pengendali pembayaran yang layak supaya terus memperkukuh amalan pengurusan risiko siber mereka dalam bidang tadbir urus, langkah kawalan keselamatan siber, pemantauan dan pengawasan yang proaktif, serta tindak balas dan pemulihan. Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet), yang mengendalikan RENTAS, turut mengeluarkan garis panduan ketahanan siber pada tahun 2018 yang mengandungi langkah-langkah perlindungan khusus untuk mengurangkan risiko siber yang berkaitan dengan PayNet dan ekosistem pembayaran secara keseluruhan. Piawaian dan panduan yang sama diterima pakai secara konsisten dalam sektor lain dan ini penting untuk mengukuhkan pertahanan siber secara keseluruhan, termasuk dalam bahagian ekosistem digital yang berkait rapat dengan perkhidmatan kewangan. Evolusi piawaian dan panduan sedemikian pada peringkat kebangsaan turut membuka peluang kepada pihak berkuasa dan institusi untuk memilih antara langkah yang membolehkan institusi menumpukan pada pengurusan risiko sisa (*residual risk*), dengan langkah-langkah yang membina kelewahan (*redundancy*) bagi memperkukuh pertahanan pada pelbagai peringkat.

Kedua, membina pemahaman yang sama mengenai istilah keselamatan siber, daya tahan siber dan tindak balas insiden pada peringkat kebangsaan untuk memudahkan perkongsian maklumat siber di seluruh sektor industri serta komunikasi secara lebih berkesan tatkala memberikan tindak balas terhadap insiden siber. Sebagai contoh, istilah 'Peristiwa Siber' dan 'Insiden Siber' sering digunakan secara bertukar ganti meskipun terdapat perbezaan yang jelas dari segi makna dan implikasinya. (Peristiwa Siber merujuk sebarang kejadian yang dapat dilihat dalam sistem maklumat, manakala Insiden Siber merujuk sebarang peristiwa siber yang menjejaskan keselamatan siber). Pada peringkat global, Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board) baru-baru ini telah menerbitkan leksikon berkaitan dengan keselamatan dan daya tahan siber untuk kegunaan sektor kewangan.

Ketiga, keperluan untuk mengenal pasti dan mengurangkan halangan kepada perkongsian maklumat mengenai ancaman siber ke seluruh sektor secara berkesan. Entiti-entiti lazimnya keberatan untuk berkongsi maklumat ancaman siber atas beberapa sebab tertentu, dan ini termasuk kebimbangan berhubung dengan pengendalian maklumat yang agak sensitif. Pada masa ini, institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank dikehendaki melaporkan insiden siber yang berlaku dan insiden yang nyaris-nyaris terjadi (*near misses*) kepada Bank. Walau bagaimanapun, di luar sektor kewangan, insiden siber tidak wajib dilaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan ataupun tiada garis masa dan skop maklumat yang ditetapkan sekiranya ingin membuat laporan. Hal ini membolehkan penyerang siber menggunakan modus operandi yang sama untuk melakukan serangan terhadap entiti yang berbeza dalam sektor industri yang berlainan untuk suatu tempoh masa yang panjang sebelum ancaman tersebut berjaya dipatahkan dengan berkesan.

Halangan kepada perkongsian maklumat perlu ditangani pada beberapa peringkat. Bagi sektor kewangan, Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP) sedang dalam proses penubuhan oleh Bank, untuk mengumpulkan, menggabungkan, menganalisis dan berkongsi maklumat ancaman siber daripada pelbagai sumber yang boleh dipercayai. Maklumat peristiwa dan insiden siber yang merahsiakan pengenalan diri dengan sewajarnya akan dikongsi dengan institusi, Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency, NACSA) dan pengawal selia yang lain. Pada peringkat negara, NACSA kini bertanggungjawab untuk menyelaraskan perkongsian maklumat mengenai sebarang insiden siber yang kritikal ke seluruh sektor industri. Perkara ini boleh diperluas untuk memberikan lebih banyak akses awalan kepada perkongsian maklumat oleh NACSA mengenai trend dan pemahaman mengenai serangan siber merentas entiti dan industri. Usaha memperbaik aliran maklumat siber perlu memperjelas maklumat yang hendak dikongsi, jangkaan yang jelas mengenai tanggungjawab entiti dalam sektor CNII untuk berkongsi dan mengendalikan maklumat berkaitan siber dengan betul, prosedur yang jelas bagi penyebaran dan penerimaan maklumat, serta pembangunan infrastruktur yang berkenaan untuk meningkatkan kecekapan dan kepantasan perkongsian maklumat.

Keempat, tumpuan pada usaha pengukuhan keupayaan institusi dan pihak berkuasa secara kolektif bagi membolehkan tindak balas kepada, dan pemulihan daripada insiden siber. Pada kebiasaannya, tumpuan keselamatan siber adalah untuk mengenal pasti dan mencegah serangan siber. Oleh itu, semakin banyak institusi kewangan menggunakan pendekatan 'pencerobohan yang diandaikan' (*assumed breach*) dalam pengurusan risiko mereka. Pendekatan ini membuat andaian bahawa pencerobohan telah pun berlaku lantas menyebabkan tumpuan beralih kepada keupayaan institusi berkenaan untuk mengesan, memberikan tindak balas dan melaksanakan pemulihan segera daripada serangan di seluruh institusi dan industri. Satu cara yang wajar untuk mengukuhkan kerjasama pertahanan siber dan menambah baik cara pengendalian insiden siber adalah dengan menjalankan simulasi krisis siber. Simulasi ini direka untuk menguji protokol tindak balas dan komunikasi terselaras, di samping mengenal pasti jurang yang mungkin ada tetapi tidak dapat dikesan tanpa simulasi ini. Majlis Keselamatan Negara menganjurkan latihan keselamatan siber negara yang dikenali sebagai x-Maya setiap dua tahun sekali bagi menguji ketersediaan entiti dalam sektor CNII untuk bertindak balas terhadap ancaman siber. Penting bagi simulasi tersebut dilakukan dengan kerap dan skop simulasi dikaji semula secara berterusan agar keperluan terhadap perubahan dalam skala, skop dan sifat ancaman siber dapat dikenal pasti. Langkah ini melibatkan senario krisis yang lebih luas supaya merangkumi spektrum entiti yang lebih besar, lokasi yang melangkaui sempadan negara dan zon waktu yang berbeza.

Kelima, kepentingan untuk memastikan tumpuan strategik yang berterusan terhadap usaha untuk mempertingkatkan kumpulan bakat (talent) domestik bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional dalam bidang keselamatan siber. Strategi berkaitan bakat tersebut boleh membuka ruang perkongsian bersama antara sektor kewangan dengan ahli-ahli akademik, entiti swasta dan agensi-agensi kerajaan. Di Malaysia, Zon Bakat Keselamatan Siber Universiti Teknologi dan Inovasi Asia Pasifik (Asia Pacific University of Technology and Innovation, APU) yang diwujudkan dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (Malaysia Digital Economy Corporation, MDEC) dan rakan-rakan industri yang lain merupakan satu contoh kerjasama antara sektor awam-swasta untuk membangunkan golongan profesional yang kompeten dalam bidang keselamatan siber. Di luar Malaysia, satu lagi contoh kerjasama ialah kolaborasi antara Hong Kong Monetary Authority (HKMA) dengan Hong Kong Institute of Banks dan Hong Kong Applied

Science and Technology Research Institute (ASTRI) untuk membangunkan skim pensijilan dan program latihan setempat bagi golongan profesional keselamatan siber.[3] Usaha kolaboratif yang sama turut digerakkan oleh Bank dan golongan profesional bidang keselamatan industri ujian penembusan. Hasilnya Persatuan Penguji Keselamatan Siber (PPKS) dibentuk pada tahun 2017. PPKS mengendalikan program pensijilan bagi aktiviti ujian penembusan di Malaysia selain menerbitkan panduan dan amalan terbaik ujian penembusan berkaitan dengan sektor kewangan. Penyelarasan skim pensijilan dan ikhtisas peringkat kebangsaan boleh membantu menggalakkan dan meningkatkan penggunaan piawaian yang sama oleh industri yang berbeza.

Akhir sekali, sesi perbincangan dan interaksi yang berkesan untuk menyokong tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan terhadap pelaku jenayah siber kewangan akan meningkatkan kemungkinan penjenayah siber diberkas dan dikenakan hukuman, sekali gus menjadi langkah pencegahan yang berkesan. Memandangkan jenayah siber bersifat transnasional, tidak bernama dan sering kali dilakukan melalui sesawang gelap (*dark web*), tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan lazimnya merupakan proses yang amat sukar dan mengambil masa yang panjang. Bagi memastikan tindakan yang diambil berkesan, tahap kerjasama dan penyelarasan yang lebih tinggi perlulah merentas agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang dalam negeri dan antarabangsa, terutamanya perkongsian maklumat risikan ancaman siber.

Dengan serangan penjenayah siber yang semakin canggih dan teratur, kesemua faktor penting yang digariskan di atas menjadi semakin kritikal untuk menambah kekebalan pertahanan keselamatan siber dalam sektor kewangan dan juga membentuk tahap ketangkasan yang sejajar dengan landskap ancaman siber yang berubah-ubah.

[3] https://www.bis.org/fsi/publ/insights2.pdf.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir tahun				
	2015	2016	2017	2018	ST1 2019*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	16.6	16.5	17.8	18.1	17.4
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.2	14.0	14.9	14.6	14.1
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.3	13.1	14.0	13.8	13.4
Pulangan atas Aset	1.3	1.3	1.5	1.4	1.5
Pulangan atas Ekuiti	12.3	12.5	13.1	12.7	13.0
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	127.4	124.3	134.9	143.2	153.0
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.2	1.2	1.1	0.9	1.0
Caj Modal bagi Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Jumlah Modal	1.2	1.1	1.0	1.1	1.1
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Jumlah Modal	6.1	6.3	6.1	5.8	4.9
Pemegangan Ekuiti kepada Jumlah Modal	0.7	1.5	1.9	0.9	0.7
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	245.2	243.1	233.0	243.9	230.0
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	12.0	13.3	19.0	9.4	16.5
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	13.2	14.2	15.1	15.8	9.7
Nisbah Kecukupan Modal[1]	242.5	238.4	226.2	234.8	212.8
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	1.3	1.8	1.3	1.7	0.5
Keuntungan Operasi (RM bilion)	2.7	3.4	2.7	2.9	1.4
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	19.5	19.7	19.9	20.1	10.6
Nisbah Tuntutan	60.2	55.9	58.6	56.7	59.3
Nisbah Kecukupan Modal[1]	258.2	266.2	268.8	278.3	269.2
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,023.2	1,080.5	1,133.8	1,186.6	1,216.7
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,119.3	2,232.4	2,420.5	2,543.5	2,627.6
Nisbah Hutang IR kepada KDNK[2]	86.9	86.5	82.7	82.0	82.2
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	207.1	206.6	213.5	214.4	216.0
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	143.4	141.4	145.7	143.4	145.7
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	1.5	1.5	1.4	1.2	1.3
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	3.0	2.5	2.6	1.5	1.3
Pulangan atas Ekuiti	5.1	4.2	4.6	3.0	2.6
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	23.1	21.5	22.0	24.7	24.9
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	7.2	6.2	6.7	4.8	4.5
Margin Operasi	7.8	6.4	6.8	5.4	5.6
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.5	2.5	2.6	2.4	2.6
Institusi Kewangan Pembangunan[3]					
Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)	5.5	5.7	0.1	-0.3	0.4
Deposit Digembleng (% perubahan)	2.0	6.4	4.8	0.4	1.8
Nisbah Pinjaman Terjejas	4.8	5.9	5.1	5.8	6.7
Pulangan atas Aset	1.4	1.0	1.4	1.1	1.5

[1] Angka-angka dari tahun 2015 hingga 2017 merangkumi penanggung insurans komposit dan pengendali takaful komposit. Angka-angka mulai 2018 mencerminkan kedudukan modal selepas pengasingan lesen-lesen komposit. Oleh itu, angka-angka tersebut tidak boleh dibandingkan dengan angka-angka dalam tahun 2015-2017

[2] Mencerminkan KDNK nominal yang lebih tinggi berikutan pengasasan semula tahun asas KDNK daripada 2010=100 kepada 2015=100; nisbah hutang IR kepada KDNK ialah 83% seperti yang dilaporkan dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018

[3] Merujuk kepada institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber : Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, S&P Capital IQ dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Senarai Piawaian dan Garis Panduan Baharu dalam ST1 2019

No.	Sektor/Bidang	Piawaian/Garis Panduan	Jenis	Huraian
1	Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful	Penerbitan Data Terbuka Menggunakan Open Application Programming Interface	Dokumen Dasar	Menggariskan panduan yang diberikan oleh Bank untuk pembangunan dan penerbitan Open Application Programming Interface (Open API) bagi data terbuka oleh institusi kewangan.
2		Pelaburan Ekuiti	Draf Dedahan	Menggariskan keperluan pengawalseliaan berkaitan dengan pelaburan ekuiti oleh institusi kewangan. Cadangan ini bertujuan memastikan pelaburan ekuiti tidak mendedahkan institusi kewangan kepada risiko yang tidak wajar.
3	Bank-bank	Rangka Kerja Bank yang Penting dari Segi Sistemik pada Peringkat Domestik	Draf Dedahan	Rundingan mengenai metodologi penilaian yang dicadangkan untuk mengenal pasti Bank yang Penting dari Segi Sistemik pada Peringkat Domestik (Domestic Systemically Important Banks, DSIB) di Malaysia, serta surcaj modal yang dikenakan dan keperluan pelaporan bagi DSIB yang telah dikenal pasti.
4	Penanggung insurans dan pengendali takaful	Perniagaan Berkaitan Pelaburan	Dokumen Dasar	Menggariskan keperluan pengendalian perniagaan berkaitan pelaburan (*investment-linked,* IL) dengan matlamat untuk melindungi kepentingan pengguna. Dokumen ini bertujuan menggalakkan tadbir urus korporat dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pentadbiran perniagaan IL, memastikan amalan profesional dan wajar dalam penjualan dan pemasaran polisi/sijil takaful IL serta meningkatkan ketelusan dan penzahiran produk.
5		Insurans Kredit Perdagangan/Takaful Kredit Perdagangan		Menggariskan proses kelulusan dan keperluan mengenai penawaran insurans kredit perdagangan dan takaful kredit perdagangan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful berlesen. Hal ini bertujuan memastikan produk insurans dan takaful memenuhi keperluan perlindungan perniagaan.
6		Prosedur dan Keperluan Pendaftaran Perniagaan Pengagregatan Insurans dan Takaful	Draf Dedahan	Rundingan mengenai keperluan agregator insurans dan takaful berdaftar berkaitan dengan prosedur pendaftaran, amalan perniagaan dan penzahiran.
7	Penanggung insurans	Perniagaan Hayat Universal	Draf Dedahan	Rundingan mengenai cadangan keperluan kehematan dan pengendalian syarikat insurans yang menawarkan produk insurans hayat universal yang berkaitan dengan tadbir urus, pengurusan risiko dan penzahiran.
8	Lain-lain	Kesesuaian Pemegang Syer – Prosedur Pemberitahuan dan Permohonan (untuk individu yang dibenarkan)	Dokumen Dasar	Menggariskan kehendak pengawalseliaan terhadap pemegang syer broker insurans yang dibenarkan, broker takaful yang dibenarkan, broker wang yang dibenarkan, penasihat kewangan yang dibenarkan dan penasihat kewangan Islam yang dibenarkan, yang perlu dipatuhi secara berterusan, serta prosedur pemberitahuan dan permohonan yang dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
9		Platform Dagangan Elektronik	Draf Dedahan	Rundingan mengenai keperluan dan kehendak peserta pasaran yang menawarkan perkhidmatan platform dagangan elektronik dalam pasaran kewangan borong Malaysia, khususnya pasaran wang dan pertukaran asing.

Nota: Bank-bank termasuk bank konvensional, bank Islam dan bank pelaburan. Semua dokumen boleh didapati dalam laman sesawang Bank.

Jadual A.3

Senarai Piawaian dan Garis Panduan yang Disemak dalam ST1 2019

No.	Sektor/Bidang	Piawaian/Garis Panduan	Jenis	Huraian
1	Bank-bank, IKP, penanggung insurans, pengendali takaful dan sistem pembayaran yang dikawal selia	Pembiayaan yang Bertanggungjawab	Dokumen Dasar	Dikemas kini untuk memasukkan keperluan baharu mengenai penentuan semula harga atau semakan kemudahan pembiayaan yang tertangguh (tidak termasuk kad kredit dan pembiayaan sewa beli).
2	Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful	Caj Antara Syarikat yang Dibayar kepada Entiti Berkaitan	Dokumen Dasar	Disemak untuk memastikan keperluan kawalan dan tadbir urus adalah mencukupi bagi caj antara syarikat yang dibayar kepada entiti berkaitan serta keperluan penzahiran bagi transaksi sedemikian.
3	Bank-bank	Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko)	Dokumen Dasar	Dikemas kini untuk memasukkan keperluan bagi memperakui insurans kredit perdagangan dan takaful kredit perdagangan sebagai alat untuk mengurangkan risiko kredit.
4		Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Aset Berwajaran Risiko)		
5	Pengendali takaful	Rangka Kerja Operasi Takaful	Dokumen Dasar	Dikemas kini untuk memasukkan: i) Fleksibiliti untuk menerapkan dokumen dasar mengenai kontrak Syariah yang dikeluarkan oleh Bank; ii) Memperkukuh kehendak pengawalseliaan terhadap penubuhan dan penggabungan dana takaful; dan iii) Keperluan bagi pengurusan yang berasingan untuk Dana Individu Peserta (Participant Individual Fund) bagi simpanan dan pelaburan.

Nota: Bank-bank termasuk bank konvensional, bank Islam dan bank pelaburan. Semua dokumen boleh didapati dalam laman sesawang Bank.

Glosari, Akronim dan Singkatan

Glosari

Aliran portfolio
Transaksi merentas sempadan yang melibatkan pembelian/ jualan ekuiti atau sekuriti hutang.

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Aset kewangan mudah tunai isi rumah (*liquid financial assets*, LFA)
Aset kewangan isi rumah kecuali caruman KWSP.

Bank asing diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated foreign bank, LIFB)
Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia.

Bank-bank Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC)
Bank-bank yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.

Hutang berisiko – isi rumah
Bahagian hutang peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah, yang diselaraskan dengan cagaran yang layak.

Hutang berisiko – syarikat bukan kewangan
Bahagian hutang syarikat dengan nisbah perlindungan faedah kurang daripada dua kali jumlah hutang syarikat.

Hutang luar negeri berisiko – perbankan
Bahagian hutang luar negeri bank yang lebih mudah dipengaruhi oleh kejutan pengeluaran secara mendadak.

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah CET1, modal Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2.

Kadar Peruntukan Minimum (Minimum Allocation Rate, MAR)
Kadar premium minimum yang kena dibayar oleh pemegang polisi yang diperuntukkan dalam unit dana pilihan sebelum pengurangan sebarang caj.

Kebarangkalian mungkir (*probability of default*, PD)
Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan untuk suatu tempoh masa tertentu.

Kerugian akibat mungkir (*loss given default*, LGD)
Peratusan daripada baki tuntutan terkumpul rakan niaga yang tidak akan diperoleh kembali sekiranya berlaku kemungkiran.

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain, yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG)
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersial berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen.

Margin kewangan
Pendapatan boleh guna bulanan peminjam (selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas) dan aset kewangan mudah tunai.

Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1)
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, premium saham, keuntungan tertahan dan rizab lain.

Nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR)
Pengukur modal institusi kewangan yang dinyatakan sebagai nisbah modal kepada risiko.

Nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR)
Nisbah jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun).

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR)
Nisbah pendanaan stabil tersedia (available stable funding, ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (required stable funding, RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mudah tunai masing-masing.

Nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR)
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang.

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)
Nisbah 'aset mudah tunai berkualiti tinggi (HQLA)' kepada 'jangkaan aliran keluar tunai bersih' bank untuk tempoh 30 hari akan datang.

Nisbah pinjaman kepada dana (*loan-to-fund*, LTF)
Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit dan instrumen hutang, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai oleh akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (*loan-to-fund-and-equity*, LTFE)
Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit, instrumen hutang dan ekuiti, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman dibiayai oleh akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas bersih
Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman/pembiayaan ditolak peruntukan tertentu.

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*, CASTD)
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai.

Premium/sumbangan baharu – insurans hayat dan takaful keluarga
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu.

Premium dan sumbangan kasar
Premium/sumbangan belum terima sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya akan berubah pada bila-bila masa mengikut nilai aset sandaran pada masa itu.

Produk sertaan
Produk insurans/takaful yang berkongsi lebihan boleh agih penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga melalui bonus atau dividen.

Sandbox Pengawalseliaan
Rangka kerja yang membolehkan penyelesaian teknologi kewangan yang inovatif diuji dalam situasi pasaran sebenar mengikut parameter dan jangka masa yang ditetapkan.

Sukuk
Sekuriti hutang berstruktur di bawah apa-apa kontrak yang berlandaskan Shariah.

Syarikat korporat bukan kewangan (*non-financial corporate*, NFC)
Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barangan dan/atau perkhidmatan bukan kewangan.

Unit harta tanah tidak terjual
Unit harta tanah siap dibina dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang masih tidak terjual selama lebih sembilan bulan selepas dilancarkan di pasaran.

Ujian penembusan
Metodologi ujian yang pengujinya cuba untuk memintas ciri keselamatan sesuatu sistem maklumat menggunakan semua dokumentasi yang sedia ada (termasuk reka bentuk sistem, kod sumber, manual) dan bekerja di bawah kekangan yang khusus.

Akronim dan Singkatan

AKPK	Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit
AS	Amerika Syarikat
BSC	Kad Skor Seimbang (Balanced Scorecard)
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkompaun *(compounded annual growth rate)*
CAR	nisbah kecukupan modal *(capital adequacy ratio)*
CASTD	tunai kepada hutang jangka pendek *(cash-to-short-term debt ratio)*
CCA	Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act)
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System)
CNII	Infrastruktur Maklumat Kritikal Kebangsaan (Critical National Information Infrastructure)
DBG	kumpulan perbankan domestik *(domestic banking group)*
DII	pelabur institusi domestik *(domestic institutional investor)*
DSR	nisbah khidmat hutang *(debt service ratio)*
FCY	mata wang asing *(foreign currency)*
FE Network	Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network)
FI	institusi kewangan *(financial institution)*
Fintech	teknologi kewangan *(financial technology)*
FM	margin kewangan *(financial margin)*
FMSI	Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)
FOMC	Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee)
FSC	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee)
FTSE	Financial Times Stock Exchange
FX	pertukaran asing *(foreign exchange)*
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi *(high quality liquid assets)*
ICR	nisbah perlindungan faedah *(interest coverage ratio)*
IHRM	Indeks Harga Rumah Malaysia (Malaysian House Price Index)
IKBB	institusi kewangan bukan bank *(non-bank financial institution)*
IKP	institusi kewangan pembangunan *(development financial institution)*
IL	berkaitan pelaburan *(investment-linked)*
IT	teknologi maklumat *(information technology)*
ITO	penanggung insurans dan pengendali takaful *(insurers and takaful operators)*
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar (Gross Domestic Product)
KLIBOR	Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate)
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio)
LFA	aset kewangan mudah tunai *(liquid financial assets)*
LGD	kerugian akibat mungkir *(loss given default)*
LIBFC	Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre)
LIFB	bank asing diperbadankan di Malaysia *(locally-incorporated foreign bank)*
LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
LTF	pinjaman kepada dana *(loan-to-fund)*
LTFE	pinjaman kepada dana dan ekuiti *(loan-to-fund-and-equity)*
MAR	Kadar Peruntukan Minimum (Minimum Allocation Rate)

MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards)
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities)
MyKNP	Khidmat Nasihat Pembiayaan
NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency)
NCCMP	Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan)
NCSP	Dasar Keselamatan Siber Kebangsaan (National Cyber Security Policy)
NFC	syarikat korporat bukan kewangan *(non-financial corporation)*
NOP	kedudukan terbuka bersih *(net open position)*
NR	bukan pemastautin *(non-resident)*
NSFR	Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio)
O&G	minyak dan gas *(oil and gas)*
OPR	Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate)
OSSC	ruang pejabat dan kompleks beli-belah *(office space and shopping complexes)*
PD	kebarangkalian mungkir *(probability of default)*
PF	pembiayaan peribadi *(personal financing)*
PPKS	Persatuan Penguji Keselamatan Siber
R&R	penjadualan dan penyusunan semula (rescheduled and restructured)
RENTAS	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System)
RMiT	Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology)
RR China	Republik Rakyat China
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
SOHO	pejabat kecil/pejabat rumah *(small office home office)*
WGBI	World Government Bond Index